

فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"SEYOGIA diingat, bahawa kemerdekaan adalah sebahagian dari sejarah bangsa, dan malah merupakan 'mahkota' bangsa. Mencuaikan kemerdekaan bermakna mencuaikan sejarah, serta sekali gus 'menyambarkan' mahkota bangsa." - Titah Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-33, Tahun 2017.



Hujung Minggu

قلبي في

Pelita

BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسش ايمان

MANISNYA IMAN

"DARIPADA Abu Burdah, dari seorang lelaki Muhajirin dia berkata : Aku telah mendengar Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Wahai sekalian manusia, bertaubatlah kamu kepada Allah dan beristighfar kamu kepada-Nya, sesungguhnya aku bertaubat setiap hari 100 kali atau lebih 100 kali." - Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Waktu Sembahyang

IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGRIB	ISYAK
5.06	5.16	6.33	6.56	12.35	3.52	6.34	7.43

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 63 / BILANGAN 24

24 FEBRUARI 2018 / 1439 جمادى الآخر 8

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

Pengukuhan 'Maqasid Syar'iah' pemangkin kejayaan



بنجايان و اوسن نكارا
MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA
23 Februari 2018

Oleh : Pg. Hajah Fatimah
Pg. Haji Md. Noor,
Hajah Siti Zuriahah
Haji Awang Sulaiman
Foto : Pg. Amirulnizam
Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji

Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, sebagai sebuah negara Islam yang progresif, pengukuhan 'Maqasid Syar'iah' adalah menjadi prasyarat kepada kejayaan negara.

Pengukuhan ini, titah baginda, penting, sebagai pemangkin ke arah memastikan negara terus menuai kemakmuran dan kesejahteraan.

"Pada tahun ini, kita masih saja mengekalkan tema : 'Menjayakan Wawasan Negara'. Ini menunjukkan betapa seriusnya kita untuk menjayakan wawasan itu."

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah demikian sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34, Tahun 2018 di Istana Nurul Iman, di sini.

Ke muka 2



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34, Tahun 2018 di Istana Nurul Iman.

IKUTI KAMI DI



APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN

Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam
infodept.bn
infodept_bn



Muka 9

TINJAU infrastruktur pembangunan, perhubungan



Muka 10

MANGSA banjir terima sumbangan

Generasi muda perlu berani galas pembangunan negara

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Februari. - Untuk melihat negara melangkah lebih jauh sebagai sebuah negara maju, generasi muda di negara ini perlu turut digalas dalam mencapai matlamat suci negara yang merdeka.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, negara sangat memerlukan generasi muda untuk berani tampil

menerajui pembangunan dan perlu mengambil peluang untuk meningkatkan keupayaan diri masing-masing melalui program-program yang ditawarkan di dalam atau di luar negeri.

Bertitah sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34, Tahun 2018, yang disiarkan secara langsung melalui Radio dan Televisyen Brunei di Istana Nurul Iman, baginda menekankan para belia sepatutnya lebih terpenggil untuk menerajui pucuk pimpinan badan-badan sukarela, mahupun syarikat-syarikat.

"Para belia yang biasanya kaya dengan idea-idea baharu, pasti berani untuk menghadapi pelbagai cabaran. Merekalah yang diharapkan untuk memberi nafas baharu kepada segala usaha pembangunan dalam negara," titah baginda.

Baginda seterusnya bertitah, di era baharu ini, penggunaan teknologi maklumat semakin luas dan memainkan peranan yang sangat penting di mana ia tidak syak lagi turut mengalihkan fokus ke arah ekonomi digital yang terbuka luas untuk diceburi. Ini pun satu lagi cabaran.

Ke muka 2

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Hotline : 2382891 / 2383400 Smb. : 217

Faksimile : 2381004

Layari Laman Web : www.pelitabrunei.gov.bn

Pengukuhan 'Maqasid Syar'iah' pemangkin kejayaan

Dari muka 1

Baginda bertitah, dalam soal ini, rakyat seluruhnya perlu turut memainkan peranan untuk memajukan diri dan meningkatkan lagi usaha-usaha menjana ekonomi dan pembangunan. Agensi-agensi kerajaan pula titah baginda, perlulah cekap dan bijaksana dalam menguruskan sumber-sumber negara, demikian juga pembangunan sumber manusia perlu sentiasa diberikan perhatian.

"Kita memerlukan komitmen dan usaha-usaha bersepadu dari semua pihak, termasuk sektor swasta, bagi memastikan segala perancangan dapat berjalan rancak mencapai sasarannya," tambah titah baginda.

Terdahulu, dalam titah baginda, kita selayaknya bersyukur kerana Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan kepada kita keamanan dan kemakmuran, kerana bukan semua negara dapat meraih nikmat yang agung ini.

Oleh itu, baginda menegaskan dalam apa pun keadaan, kita mestilah berusaha, sambil memohon kepada Allah untuk mengekalkan nikmat ini.

"Kita jangan sekali-kali berpaling daripada-Nya, kerana nikmat itu datang

"KITA memerlukan komitmen dan usaha-usaha bersepadu dari semua pihak, termasuk sektor swasta, bagi memastikan segala perancangan dapat berjalan rancak mencapai sasarannya."

Oleh : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Hajah Siti Zuriah Haji Awang Sulaiman

atau pergi adalah semata-mata kehendak-Nya jua," titah baginda.

Titah baginda, kita hanyalah merancang, sementara Allah jualah yang melaksana, kerana itu kalau kita merancang, maka merancanglah apa yang baik atau terbaik, bukan merancang perkara buruk atau perkara yang salah, yang tidak disukai oleh Allah.

"Di sinilah, ramai orang yang silap, yang tidak faham ini. Mereka hanya merancang apa yang mereka mahu atau yang sedap untuk mereka sahaja, tanpa mengambil kira Maha Pencipta. Lalu awal ataupun akhir, rancangan-rancangan itu pun dipenuhi oleh masalah atau ada-ada saja cacatnya, kerana tiada berkat," titah baginda.

Generasi muda perlu berani galas pembangunan negara

Dari muka 1

Dalam arena antarabangsa pula titah baginda, Negara Brunei Darussalam akan terus mengamalkan sikap hormat-menghormati dan mengekalkan hubungan baik dengan negara-negara lain.

"Kita akan turut berusaha menangani isu-isu yang menjadi tumpuan masyarakat antarabangsa seperti ancaman keganasan dan perubahan iklim," titah baginda.

Pada mengakhiri titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia merakamkan ucapan terima kasih kepada semua peserta dan petugas serta ahli-ahli jawatankuasa-jawatankuasa yang sama-sama berusaha dalam menjayakan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-34 pada tahun ini.

Baginda juga merakamkan ucapan terima kasih kepada semua lapisan rakyat, meliputi semua peringkat

- INTI SARI TITAH -

- Merancang yang baik dan bukan yang tidak baik dan yang salah.
- Bersama menjayakan Wawasan Negara.
- Rakyat perlu serius dalam merancang ekonomi dan pembangunan.
- Cekap dan bijaksana dalam mengurus sumber manusia.
- Hasrat Brunei menjadi sebuah negara maju.
- Belia menggalas tanggungjawab dalam merealisasikan sebuah negara maju.
- Belia perlu tampil ke hadapan menjana pembangunan negara.
- Belia mustahak melahirkan idea-idea baharu dan memberi nafas baharu dalam usaha pembangunan.
- Para belia perlu terpacak mengemudi pucuk pimpinan secara sukarela.
- Menceburi ekonomi digital.
- Brunei terus komited di arena antarabangsa dalam menangani ancaman keganasan dan perubahan iklim.

warga Perkhidmatan Awam, termasuk mereka yang bertugas di luar negara, pasukan-pasukan keselamatan serta mereka yang berkhidmat di

sektor swasta dengan iringan doa semoga kita dan negara akan sentiasa berada di dalam pemeliharaan dan perlindungan Allah.

Dari Sidang
Pengarang.

24 FEBRUARI 2018 BERSAMAAN 1439 جُمَادَى الْآخِرَةِ 8

BERSAMA BERSEPADU, NEGARA MAJU

BUKAN semua negara dapat meraih nikmat keamanan dan kemakmuran. Bersyukurlah dengan nikmat yang Allah Subhanahu Wata'ala kurniakan kepada negara kita, Brunei Darussalam.

Untuk mengekalkan nikmat itu, kita mestilah berusaha sambil memohon kepada Allah. Jangan berpaling daripada Allah jika nikmat itu datang dan pergi. Kita hanya merancang dan Allah jualah pelaksana.

Jika merancang sesuatu, rancanglah yang baik atau terbaik, jangan sebaliknya. Ramai yang merancang apa yang dimahui dan sedap bagi mereka, tanpa mengambil kira Allah, Maha Pencipta. Kerana tiada berkat, maka segala rancangan dipenuhi masalah, bahkan terdapat cacatnya.

Pengukuhan 'Maqasid Syar'iah' adalah prasyarat pada kejayaan negara Islam yang progresif. Pengukuhan adalah penting sebagai pemangkin ke arah memastikan negara terus menuju kemakmuran dan kesejahteraan.

Dalam menjayakan wawasan, seluruh rakyat memainkan peranan memajukan diri dan meningkatkan lagi usaha-usaha menjana ekonomi dan pembangunan. Para agensi kerajaan perlu cekap dan bijaksana dalam menguruskan sumber-sumber negara.

Pembangunan sumber manusia pula perlu sentiasa diberikan perhatian. Komitmen dan usaha sepadu daripada semua, sama ada kerajaan mahupun swasta dalam memastikan perancangan dapat berjalan rancak serta tercapai sasarannya.

Hasrat untuk melihat negara melangkah lebih jauh sebagai negara maju adalah matlamat suci negara yang bergelar negara merdeka. Dalam mencapai matlamat itu, generasi muda perlu turut menggalas bersama.

Negara amat memerlukan generasi muda yang berani tampil menerajui pembangunan dan mengambil peluang meningkatkan keupayaan diri mereka melalui program-program yang ditawarkan di dalam mahupun luar negara serta terpacak untuk menerajui pucuk pimpinan badan-badan sukarela atau syarikat.

Belia yang kaya dengan idea-idea baharu adalah belia yang berani menghadapi pelbagai cabaran. Belia inilah yang diharap dan pemberi nafas baharu pada segala usaha pembangunan dalam negara.

Teknologi maklumat semakin meluas penggunaannya dan memainkan peranan sangat penting hingga mengalihkan fokus ke arah ekonomi digital yang terbuka luas untuk diceburi dan merupakan cabaran kepada kita.

Negara Brunei Darussalam akan terus mengamalkan sikap hormat-menghormati dan mengekalkan hubungan baik bersama negara-negara lain. Isu-isu yang menjadi tumpuan masyarakat antarabangsa seperti ancaman dan perubahan iklim akan turut diusahakan untuk ditangani.

Bersyukur dengan keamanan dan kemakmuran negara, berusaha dan memohon kepada-Nya, kita hanya merancang Allah jua pelaksana, agar keberkatan diperoleh serta terjawab daripada cacatnya. Pengukuhan Maqasid Syar'iah adalah prasyarat pada kejayaan negara, penting sebagai pemangkin ke arah memastikan negara terus menuju kemakmuran dan kesejahteraannya.

Rakyat berperanan memajukan diri, meningkatkan lagi usaha-usaha menjana ekonomi, juga pembangunan dalam menjayakan wawasan yang diimpikan.

Pembangunan sumber manusia perlu diberi perhatian, komitmen dan usaha sepadu dalam memastikan perancangan dapat berjalan rancak serta tercapai sasaran. Hasrat negara melangkah jauh sebagai negara maju adalah matlamat suci, di mana generasi muda perlu turut menggalas bersama kini, negara perlukan generasi muda berani, tampil menerajui pembangunan dan mengambil peluang meningkatkan keupayaan diri, juga terpacak untuk menerajui pucuk pimpinan badan-badan sukarela atau syarikat kitani.

Belia yang berani menghadapi pelbagai cabaran adalah kaya dengan idea-idea baharu, diharap dan pemberi nafas baharu pada segala usaha pembangunan dalam negaramu.

Selamat Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34, semoga negara akan terus kekal menjadi sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja yang berdaulat. Semoga hasrat Negara Zikir menjadi sebuah negara 'Baladun Tayyibatun Warabbun Ghaffur' dan Wawasan Negara 2035 dapat digapai dan tercapai, berkat lindungan serta rahmat daripada Ilahi. - Ketua Penyuntingan (Nb).

RAMALAN CUACA 3 HARI

SABTU	AHAD	ISNIN
BANDAR SERI BEGAWAN 33 26 °C	32 26 °C	30 26 °C
PEKAN BANGAR 33 24 °C	30 24 °C	32 24 °C
PEKAN TUTONG 33 24 °C	30 24 °C	31 24 °C
KUALA BELAIT 32 25 °C	30 24 °C	30 24 °C

Wallahuallah Bissawab
Jabatan Kaji cuaca
Brunei Darussalam
www.mef.gov.bn

Talian Cuaca
114

Brunei WX
App

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi FEBRUARI	HARI	Hijrah JAMADILAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
24	SABTU	8	5.06	5.16	6.33	6.56	12.35	3.52	6.34	7.43
25	AHAD	9	5.05	5.15	6.33	6.56	12.34	3.52	6.34	7.43
26	ISNIN	10	5.05	5.15	6.33	6.55	12.34	3.51	6.34	7.43
27	SELASA	11	5.05	5.15	6.33	6.55	12.34	3.51	6.34	7.43
28	RABU	12	5.05	5.15	6.32	6.55	12.34	3.50	6.33	7.43
1 MAC	KHAMIS	13	5.04	5.14	6.32	6.54	12.34	3.50	6.33	7.43
2	JUMAAT	14	5.04	5.14	6.32	6.54	12.34	3.49	6.33	7.43

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN 991 | **POLIS** 993 | **BOMBA** 995 | **PENYELAMAT** 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

Berangkat ke Majlis Kesyukuran Ulang Tahun HK Ke-34



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam. Juga berangkat, paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah (atas dan bawah).

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi,
Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Februari. - Selaku rakyat dan penduduk yang bernaung di bumi tercinta ini, Negara Brunei Darussalam setentunya bersyukur atas keamanan dan kedamaian yang dikecapi di bawah pimpinan seorang raja yang berwibawa

dan dapat meraikan nikmat kemerdekaan yang ke-34 tahun. Justeru itu, Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam

diadakan di seluruh negara dan bagi Daerah Brunei dan Muara tumpuan utama ialah Masjid Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara.

Berangkat menyertai jemaah di sini ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Juga berangkat, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel serta Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Keberangkatan Kebawah DYMM dan kerabat diraja ke majlis tersebut dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-34, Tahun 1439 Hijrah / 2018 Masihi; Mufti

Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned serta Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Sejurus keberangkatan Kebawah DYMM dan paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Azan Maghrib dilaungkan oleh Pegawai Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Mudim Awang Haji Metassim bin Haji Metussin.

Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat yang diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar yang kemudiannya juga memimpin bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai.

Doa Kesyukuran dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz.

Azan Isyak dikumandangkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Mudim Awang Haji Amran bin Haji Md. Salleh diikuti dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah diimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin.

Sebelum berangkat balik, Kebawah DYMM berserta kerabat diraja berkenan menerima junjung ziarah daripada jemaah yang hadir.

Majlis Kesyukuran tersebut juga telah diadakan di semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara dengan tumpuan di masjid-masjid utama setiap daerah masing-masing, bertujuan bagi memanjatkan rasa syukur atas limpahan keberkatan, keselamatan, keamanan negara serta kesejahteraan seluruh penduduk Negara Brunei Darussalam.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda ketika berkenan menerima junjung ziarah (kiri). Manakala gambar kanan, antara yang hadir pada Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran tersebut.

Menerima mengadap Komander Perintah Pasifik Amerika



Oleh :
Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Muhammad Asri
Haji Awang Abas

Istimewa dan Mutlak Amerika Syarikat ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Craig Boyd Allen.

Kerjasama yang erat dalam bidang pertahanan dan ketenteraan di antara Negara Brunei Darussalam dan Amerika Syarikat telah lama dijalin melalui penandatanganan Memorandum Persefahaman dalam kerjasama pertahanan pada 29 November 1994.

Kedua-dua belah pihak telah mengekalkan hubungan dalam peringkat dua hala terutamanya melalui pertukaran profesional, latihan dan ekseseis.

Manakala di peringkat pelbagai hala, pertukaran diadakan melalui interaksi dalam Southeast Asia Cooperation and Training (SEACAT), Cooperation Afloat Readiness and Training (CARAT) dan Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN dan Negara Plus (ADMM-Plus).

Ekseseis CARAT merupakan latihan yang diadakan setiap tahun di antara Negara Brunei Darussalam dan Amerika Syarikat. Pada November 2017, Ekseseis CARAT Ke-23 telah diadakan di Negara Brunei Darussalam, dan latihan siri yang ke-24 dijangka akan berlangsung pada bulan Oktober tahun ini.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berkenan menerima mengadap Komander Perintah Pasifik Amerika Syarikat (USPACOM), Tuan Yang Terutama Laksamana Harry Harris Jr. yang sedang dalam rangka lawatan selama dua hari ke negara ini.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berkenan menerima mengadap Komander Perintah Pasifik Amerika Syarikat (USPACOM), Tuan

Yang Terutama Laksamana Harry Harris Jr. yang sedang dalam rangka lawatan selama dua hari ke negara ini.

Majlis Mengadap berlangsung di Istana Nurul Iman.

Hadir pada majlis tersebut, Menteri Pertahanan II,

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Pengiran Dato Seri Pahlawan Aminan bin Pengiran Haji Mahmud dan Duta Besar

Profesi kesihatan bersekutu dinaik taraf melalui Perintah Profesion Kesihatan Bersekutu

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



JURU X-Ray Kanan juga selaku Pengerusi Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Negara Brunei Darussalam, Dayang Hajah Hashliena Wati binti Haji Mohd. Salleh dan Pegawai Podiatri, Dr. Norafizah binti Haji Zaine pada sesi temu bual mengenai Perintah Profesion Kesihatan Bersekutu Negara Brunei Darussalam 2017.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Februari. - Para Profesional Kesihatan Bersekutu di negara ini berjaya melakar satu lagi pencapaian, yang mana Perintah Profesion Kesihatan Bersekutu Negara Brunei Darussalam 2017, berkuat kuasa pada 1 Julai tahun lalu.

Sebanyak 19 profesi kesihatan dari pelbagai bidang akan dikawal selia dalam Perintah Profesion Kesihatan Bersekutu Negara Brunei Darussalam 2017 dengan tujuan untuk menjaga kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan orang awam.

Semasa sesi temu bual bersama

Juru X-Ray Kanan juga selaku Pengerusi Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Negara Brunei Darussalam, Dayang Hajah Hashliena Wati binti Haji Mohd. Salleh menjelaskan, pelaksanaan perintah itu akan menaikkan taraf profesi kesihatan bersekutu di negara ini setara dengan piawaian antarabangsa bagi memastikan keselamatan pesakit dan tahap penjagaan kesihatan yang tinggi.

"Mereka yang terlibat mestilah mendaftar dan akan diberikan sijil pengesahan dan lesen tahunan sebagai bukti mereka telah diberi kelayakan untuk

menjalankan tugas mereka di dalam bidang yang berkaitan," tegasnya.

Beliau seterusnya menjelaskan, 19 profesi kesihatan dari pelbagai bidang yang akan dikawal selia dalam Perintah tersebut ialah profesi dalam bidang Audiologi (Audiology); Klinikal Psikologi (Clinical Psychology) atau Psikologi (Psychology); Makmal Klinikal Sains (Clinical Laboratory Science) atau Makmal Saintifik (Scientific Laboratory Science); Dietetik (Dietetic); Promosi Kesihatan (Health Promotion); Prostetik dan Teknologi Maksilofasial (Maxillofacial Prosthetic and Technology); Kebajikan Perubatan (Medical Social Work); Pemakanan (Nutrition); Pemulihan Cara Kerja (Occupational Therapy); Optometri atau Opticianry (Optometry or Opticianry); Ortopetik (Orthoptics); Paramedik (Paramedics); Fisioterapi atau Pemulihan Anggota (Physiotherapy or Physical Therapy); Podiatri (Podiatry); Prostetik dan Ortotik (Prosthetic and Orthotic); Kesihatan Awam (Public Health); Diagnostik Radiografi atau Terapeutik Radiografi or Therapeutic Radiography); Pemulihan Pertuturan dan Bahasa atau

Patologi Pertuturan (Speech and Language Therapy or Speech Pathology) dan Teaching of Hearing Impairment.

Pegawai Podiatri, Dr. Norafizah binti Haji Zaine turut menyentuh mengenai terdapat empat jenis pendaftaran, iaitu pendaftaran Penuh (Full); Terhad (Restricted); Bersyarat (Conditional) dan Sementara (Temporary).

"Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Negara Brunei Darussalam akan menentukan jenis pendaftaran mengikut status pemohon berdasarkan kelayakan dan latihan serta pengalaman dan kelayakan yang berkaitan," katanya.

Menurutnya, perintah berkenaan juga memastikan para Profesional Kesihatan Bersekutu yang berdaftar adalah kompeten dan cekap dalam melaksanakan bidang tugas masing-masing.

"Penguatkuasaan perintah itu diselenggarakan dengan penubuhan badan berkanun, iaitu Majlis Profesi Kesihatan Bersekutu Negara Brunei Darussalam yang dipertanggungjawabkan mentadbir dan mengawal selia profesionalisme para Profesional Kesihatan Bersekutu yang berdaftar di negara ini," ujarnya lagi.

Peranan-peranan utama badan berkanun itu adalah untuk melindungi orang ramai melalui

pendaftaran dan pengeluaran sijil amalan (*practicing certificate*) untuk para Profesional Kesihatan Bersekutu yang berdaftar; penetapan piawaian, perilaku serta latihan juga mengekalkan pendaftaran para Profesional Kesihatan Bersekutu.

Para profesi yang tersebut di atas perlu mendaftar dengan badan berkanun bagi meneruskan atau memulakan bidang tugas yang berkenaan di negara ini dalam tahun pertama perintah dikuatkuasakan.

Beberapa siri taklimat dilaksanakan pada awal tahun ini bagi memperkenalkan kriteria-kriteria yang diperlukan bagi pendaftaran dan proses yang terlibat semasa fasa awal serta denda-denda yang boleh dikenakan jika melakukan sebarang kesalahan.

Orang awam adalah disarankan untuk mengambil perhatian dan memastikan Para Profesional Kesihatan Bersekutu di tempat mereka mendapatkan rawatan mempunyai Sijil Pendaftaran dan Sijil Menjalankan Amalan Tahunan yang sah.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi Kementerian Kesihatan melalui talian +673 2381640 sambungan 7632 atau Talian Darussalam 123 atau melalui e-mel ahp.council@moh.gov.bn.

Kebawah DYMM berkenan menjawab perutusan tahniah

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 23 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menjawab beberapa perutusan tahniah yang telah disembahkan ke hadapan majlis baginda daripada Ketua-Ketua Negara dan Ketua-Ketua Kerajaan sempena menyambut Ulang Tahun Ke-34 Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Tahun 2018, iaitu di antaranya daripada :

DARIPADA KETUA-KETUA NEGARA

1. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdul Aziz Al-Saud, Penjaga Dua Masjid Suci dan Raja Negara Arab Saudi



15. Gabenor-Jeneral Australia, Tuan Yang Terutama The Hon Sir Peter Cosgrove AK MC (Rtd)



29. Presiden The United Mexican States, Tuan Yang Terutama Enrique Pena Nieto



2. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II, Queen of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland



16. Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping



30. Presiden The Councils of State and Ministers of the Republic of Cuba, Tuan Yang Terutama Raul Castro Ruz



3. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Abdullah II ibn Al Hussein, Raja Jordan



17. Presiden Republik Korea, Tuan Yang Terutama Moon Jae-in



31. Presiden Republik Afrika Selatan, Tuan Yang Terutama Jacob Gedleyihlekisa Zuma



4. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Hamad bin Isa Al-Khalifa, Raja Bahrain



18. Presiden Republik Rakyat Bangladesh, Tuan Yang Terutama Md. Abdul Hamid



32. Presiden Republik Gabon, Tuan Yang Terutama Ali Bongo Ondimba



5. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Qaboos bin Said, Sultan Kesultanan Oman



19. Presiden Republik India, Tuan Yang Terutama Ram Nath Kovind



DARIPADA KETUA-KETUA KERAJAAN

6. Duli Yang Maha Mulia Sheikh Tamim bin Hamad bin Al-Thani, Emir Qatar



20. Presiden Republik Islam Pakistan, Tuan Yang Terutama Mamnoon Hussain



33. Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak



7. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Maha Vajiralongkorn Bodindradebayavarangkun, Raja Thailand



21. Presiden Republik Maldives, Tuan Yang Terutama Abdulla Yameen Abdul Gayoom



34. Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong



8. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Preah Bat Samdech Preah Boromneath Norodom Sihamoni, Raja Negara Kemboja



22. Presiden Republik Demokratik Sosialis Sri Lanka, Tuan Yang Terutama Maithripala Sirisena



35. Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral Prayut Chan-o-cha (Ret.)



9. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Carl XVI Gustaf, Raja Sweden



23. Presiden Republik Persekutuan Jerman, Tuan Yang Terutama Frank-Walter Steinmeier



36. Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Nguyen Xuan Phuc



10. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Willem-Alexander R., Raja Netherlands



24. Presiden Republik Turki, Tuan Yang Terutama Recep Tayyip Erdogan



37. Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri Qatar, Tuan Yang Terutama Abdullah bin Nasser bin Khalifa Al-Thani



11. Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Joko Widodo



25. Presiden Republik Itali, Tuan Yang Terutama Sergio Mattarella



38. Perdana Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Sheikh Hasina



12. Presiden Republik Singapura, Puan Yang Terutama Halimah Jacob



26. Presiden Republik Kazakhstan, Tuan Yang Terutama Nursultan Nazarbayev



LAIN-LAIN ORANG KENAMAAN LUAR NEGERI

13. Presiden Republik Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama U Htin Kyaw



27. Presiden The Swiss Confederation, Tuan Yang Terutama Alain Berset



39. Secretary-General of the United Nations, Tuan Yang Terutama Antonio Guterres



14. Presiden Republik Sosialis Viet Nam, Tuan Yang Terutama Tran Dai Quang



28. Presiden Ukraine, Tuan Yang Terutama Petro Poroshenko



40. Secretary General of the Organization of Islamic Cooperation, Tuan Yang Terutama Dr. Yousef A. Al-Othaimen



Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Khamis, 22 Februari. - Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34, Tahun 2018 diadakan serentak di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara.

Seperti lazimnya, tumpuan utama majlis berkenaan bagi Daerah Tutong ialah di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis berkenaan ialah Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah diimamkan oleh Awang Sahibol Omar bin Haji Yusof, manakala bacaan Surah Yaa Siin dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid berkenaan, Awang Mohammad Fauzi bin Haji Anuar.

Majlis diteruskan dengan bacaan Doa Kesyukuran sempena menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34, dipimpin oleh

Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Jaya bin Haji Yahya.

Majlis diakhiri dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah yang juga diimamkan oleh Awang Sahibol Omar.

Majlis keugamaan ini bertujuan bagi memohon ke hadirat Ilahi agar Negara Brunei Darussalam, raja, rakyat dan penduduk serta segala isi di dalamnya, dan seluruh teluk rantau dan jajahannya akan terus dikurniakan keberkatan dan sentiasa terpelihara dan diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala di bawah kepimpinan adil laila bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam turun-temurun di atas takhta singgahsana.

Turut hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara di daerah ini, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan rakyat serta penduduk di daerah ini.

Negara Brunei Darussalam menyambut Hari Kebangsaan pada setiap 23 Februari dan tahun ini sambutan membawa tema 'Menjayakan Wawasan Negara'.

DAERAH TUTONG



TIMBALAN Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman (enam, kanan) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran bagi Daerah Tutong di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong.

DAERAH BELAIT



TIMBALAN Menteri Tenaga dan Perindustrian, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw (empat, kiri) semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran yang diadakan di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait.

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

KUALA BELAIT, Khamis, 22 Februari. - Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34, Tahun 1439 Hijrah dan 2018 Masihi diadakan serentak di seluruh masjid dan surau di negara ini.

Ia adalah sebagai tanda kesyukuran ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana atas kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, rakyat dan penduduk di negara ini dapat hidup dalam sebuah negara yang aman, makmur dan sejahtera.

Di Daerah Belait, tumpuan

utama majlis diadakan di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Menteri Tenaga dan Perindustrian, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw.

Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait, Awang Akup bin Haji Lamat.

Manakala Doa Kesyukuran dibacakan oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait, Awang Haji Asminan bin Haji Chuchu.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin, Penghulu Mukim Liang

dan Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd Siput, Pemangku Penghulu Mukim Labi.

Hadir sama, Pegawai Utama, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abd. Kahar bin Haji Hussin; Pengarah Pentadbiran dan Kewangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Amiruddin bin Haji Mohammad Hassan; Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Abdol Hazis bin Haji Ahad; ketua-ketua jabatan dan cawangan Daerah Belait; penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung; pengetua-pengetua maktab dan sekolah menengah kerajaan dan bukan kerajaan; guru-guru besar sekolah rendah kerajaan dan bukan kerajaan Daerah Belait; Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung; pegawai dan kakitangan jabatan kerajaan Daerah Belait; pegawai dan kakitangan syarikat-syarikat swasta serta Ahli Takmir Masjid Muhammad Jamalul Alam.

DAERAH TEMBURONG

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

TEMBURONG, Khamis, 22 Februari.- Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar menjadi tumpuan Majlis Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin serta Membaca Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34, Tahun 2018 bagi Daerah Temburong dengan tema sambutan tahun ini, iaitu 'Menjayakan Wawasan Negara'.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dan Sembahyang Sunat Hajat yang diimamkan oleh Imam Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Awang Haji Yusof bin Haji Ahad dan disusuli dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Awang Haji Shafirillah bin Haji Ahmad yang kemudiannya mengimamkan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.


Turut hadir, Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) Jabatan Perdana Menteri, Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu; pegawai-pegawai kanan kerajaan, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung serta para jemaah masjid.

Majlis antara lain bertujuan untuk menzahirkan kesyukuran ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana di atas limpah kurnia rahmat-Nya jua bumi Brunei Darussalam terus dikurniakan keamanan, keselamatan dan kemakmuran yang berpanjangan sepanjang 34 tahun mengecapi kemanisan sebagai sebuah negara merdeka dan di bawah kepimpinan seorang raja yang bijaksana dan dikasihi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, seluruh rakyat dan penduduk di negara ini dapat menjalani kehidupan dalam keadaan selesa, bahagia dan aman damai.



SETIAUSAHA Tetap (Media dan Kabinet) Jabatan Perdana Menteri, Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos (tengah) semasa hadir pada Majlis Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin serta Membaca Doa Kesyukuran yang diadakan di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Takmir Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah anjurkan Majlis Khatam



SUNGAI AKAR, Jumaat, 23 Februari. - Takmir Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah (MRSB) mengadakan Program Majlis Khatam Al-Quran 1J1O (Satu Juz Satu Orang) mengambil sukut baik sempena Ulang Tahun

MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong selaku Penaung Takmir Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah (kanan) semasa hadir pada Program Majlis Khatam Al-Quran 1J1O di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar.

Berita dan Foto : Ihsan Takmir Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah

Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34.

Lebih 170 orang menyertai majlis tersebut, di mana bacaan Al-Quran bergema di MRSB bermula selepas Sembahyang Subuh Berjemaah di masjid berkenaan.

Hadir pada majlis berkenaan ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong

selaku Penaung Takmir MRSB.

Majlis juga diselajurkan dengan Sembahyang Sunat ad-Dhuha beramai-ramai dan seterusnya doa sempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-34 Tahun serta Doa Allah Peliharakan Sultan.

Antara tujuan program ini adalah sebagai tanda rasa bersyukur rakyat terhadap negara yang diberikan keamanan dan rezeki yang luas serta kemakmuran.

35 kes bunuh diri dilaporkan sepanjang 2014 - 2017



PENGARAH Jabatan Siasatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB), ACP Pengiran Haji Mohd. Jefri bin Pengiran Haji Abdul Hamid (dua, kanan) semasa mengongsikan statistik kes bunuh diri di Negara Brunei Darussalam dari 2014 hingga 2017 pada Sidang Media yang berlangsung di Bangunan CID Gadong.

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali**

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 23 Febuari. - Berdasarkan statistik Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB), sebanyak 35 kes bunuh diri telah dilaporkan berlaku dari tahun 2014 hingga 2017.

Perangkaan itu dikongsikan oleh Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, PDB, ACP Pengiran Haji Mohd. Jefri bin Pengiran Haji Abdul Hamid pada Sidang Media yang berlangsung di Bangunan CID Gadong.

Menurut beliau, kes berkenaan melibatkan 30 daripada 35 kes lelaki berbanding kaum wanita.

Katanya, sepanjang empat tahun kebelakangan sebanyak 26 daripada 35 kes melibatkan warga asing, iaitu warganegara Filipina seramai sembilan orang, Bangladesh tujuh orang, India enam orang, Thailand dua orang dan Indonesia dua orang.

Pada Sidang Media itu juga, Pegawai Pemerintah Daerah Polis Tutong, Penguasa Polis Suhairi bin Haji Sukri menjelaskan, PDB telah menerima laporan mengenai kejadian berkenaan pada 12 Februari 2018, jam 7.22 pagi mengenai seorang perempuan yang dijumpai mati tergantung di sepon pohon pokok di Kampung Kupang.

Katanya, mangsa seorang warganegara Indonesia bernama Samiati berumur 48 tahun yang bekerja sebagai pelayan di restoran Kampung Kupang.

Menurut beliau lagi, punca menggantung diri rata-ratanya disebabkan menanggung beban hutang yang tidak dapat dibayar hingga menjadi beban dan tekanan kepada mangsa untuk mengambil jalan membunuh diri.

Dalam perkara itu, PDB tidak mengambil ringan kejadian-kejadian berkenaan, yang mana usaha untuk mencari penyebab-penyebab utama kejadian dan seterusnya mengatasi secara menyeluruh sentiasa dilaksanakan.

Dalam kes kedua yang disampaikan oleh Pemangku Pegawai Pemerintah, Daerah Polis Brunei Muara, Penguasa Polis Pengiran Haji Abdul Salam bin Pengiran Haji Abdul Ghani mengenai kes yang membabitkan remaja yang berumur 23 tahun yang membunuh diri dengan menggunakan cadar yang diikat ke kipas angin siling disebabkan putus cinta.

Menurutnya, kejadian tersebut telah dilaporkan pada 14 Februari 2018 pada pukul 9.50 pagi setelah menerima maklumat dari hospital selepas mangsa dibawa sendiri oleh keluarganya ke hospital dan telah disahkan meninggal dunia.

Manakala kes ketiga jelasnya, membabitkan warganegara Indonesia lelaki bernama Sukar berumur 35 tahun telah didapati mengerat perut sendiri menggunakan pisau sejenis

cutter di tandas perempuan Tingkat 1 The Mall Gadong.

Menurutnya, semasa pihak polis tiba di lokasi kejadian mangsa masih lagi dilihat mengerat-ngerat usus dalam keadaan lemah.

"Beliau terus dikejarkan ke hospital untuk pemeriksaan dan rawatan lanjut. Malangnya mangsa tidak dapat diselamatkan dan meninggal dunia beberapa hari kemudian. Penyiasatan ke atas rakan-rakan mangsa pada hari itu mengatakan tidak ada melihat perkara ganjil tetapi mangsa tidak berapa bercakap dalam dua hari sebelum kejadian. Siasatan di tempat tinggal mangsa tidak mendapati yang mencurigakan kecuali artikel mengenai yang menyalahi akidah," jelasnya.

Hasil siasatan ke atas tiga kes berkenaan mendapati masalah yang dihadapi oleh dua mangsa telah menyebabkan tekanan perasaan dan jiwa sehingga mereka hilang kawalan diri manakala seorang mangsa yang menyalahi ajaran Islam.

Walau bagaimanapun, usaha pengurangan kes bunuh diri tidak terletak pada PDB seluruhnya dan ia memerlukan kerjasama yang berterusan daripada pihak-pihak berkepentingan.

PDB juga mengingatkan masyarakat awam dan juga pekerja-pekerja asing yang mencuba untuk membunuh diri bahawa ia menjadi satu kesalahan jenayah di bawah Seksyen 309 Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 yang mana membawa hukuman satu tahun penjara atau denda atau kedua-duanya sekali.

Empat kes kemalangan melibatkan korban jiwa

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 23 Februari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) mengesahkan sebanyak empat laporan kes kemalangan jalan raya yang melibatkan korban jiwa sejak 1 Januari sehingga 22 Februari 2018.

Kes-kes berkenaan berlaku di Daerah Brunei dan Muara sebanyak dua kes, satu kes di Daerah Belait, manakala satu kes lagi di Daerah Tutong. Mangsa yang terlibat terdiri daripada seorang lelaki dan dua perempuan tempatan dan seorang perempuan warga asing.

Kes pertama yang berlaku pada 28 Januari lalu adalah kes kemalangan sendiri, melibatkan seorang lelaki penunggang motosikal berusia 24 tahun di KM 68 Lebuhraya Muara - Tutong.

Sementara itu, kes kedua berlaku berhampiran Simpang 1683, Tanjong Nangka, Jalan Tutong pada 30 Januari 2018. Kemalangan ini melibatkan sebuah kereta melanggar seorang perempuan warga asing pejalan kaki, pemandu disiasat, Abdullah bin Haji Apong berusia 55 tahun.

Kes ketiga pula berlaku pada 17 Februari 2018 melibatkan dua buah kereta, di mana seorang perempuan remaja berusia 13 tahun terkorban. Kejadian berlaku di Jalan Estate, Gadong.

Kemalangan berpunca dari salah sebuah kereta dipandu

dari hala yang bertentangan. Pemandunya Victor Chihui Vui Ted, lelaki penduduk tetap berusia 20 tahun dipercayai di bawah pengaruh alkohol.

Siasatan dijalankan ke atas pemandu di bawah Seksyen 26(1) memandu dalam keadaan mabuk yang membawa hukuman denda BND10,000 dan penjara dua (2) tahun. Pemandu juga disiasat di bawah Seksyen 27(1) memandu secara melulu atau merbahaya dan mengakibatkan kematian di bawah Akta Lalulintas Jalanraya Penggal 68, kesalahan tersebut membawa hukuman denda BND20,000 dan penjara tujuh (7) tahun.

Kes keempat berlaku pada 21 Februari 2018 di Jalan Nakhoda Ragam, Kuala Belait yang melibatkan kemalangan pemandu kereta dan pejalan kaki. Mangsa adalah seorang perempuan tempatan berusia 61 tahun.

Pemandu terlibat Mhd. Afiq Safwan bin Zalidin adalah seorang lelaki tempatan berumur 27 Tahun. Pejalan kaki mengalami kecederaan parah dan meninggal dunia sehari kemudian.

Sehubungan kemalangan yang berlaku, PDB menasihatkan kepada semua pemandu dan pejalan kaki untuk meningkatkan kewaspadaan serta mematuhi undang-undang jalan raya, di samping mengutamakan sikap sabar dan bertolak ansur.



PEMANGKU Pengarah Jabatan Siasatan Kawalan dan Lalu Lintas, Penguasa Kanan Polis Radin Jofri bin Radin Mas Basiuni (dua, kanan) semasa Sidang Media.

Hubungan ketenteraan Brunei - Amerika Syarikat kukuh



MENTERI Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof menerima kunjungan hormat daripada Komander Perintah Pasifik Amerika Syarikat (USPACOM), Tuan Yang Terutama Laksamana Harry Harris Jr. (kiri). Sementara gambar kanan, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Mejar Jeneral Pengiran Dato Seri Pahlawan Aminan bin Pengiran Haji Mahmud juga menerima kunjungan hormat daripada TYT Laksamana Harry Harris Jr.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Februari. - Kementerian Pertahanan telah menerima kunjungan rasmi daripada Komander Perintah Pasifik Amerika Syarikat (USPACOM), Tuan Yang Terutama Laksamana Harry Harris Jr. yang dalam rangka lawatan selama dua hari ke negara ini bermula kelmarin hingga

22 Februari 2018.

Sejurus ketibaan di Kementerian Pertahanan, Bolkliah Garison di sini, TYT disambut dengan kawalan kehormatan terdiri daripada anggota Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB).

TYT seterusnya mengadakan kunjungan hormat kepada Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat

Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan juga kepada Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Pengiran Dato Seri Pahlawan Aminan bin Pengiran Haji Mahmud.

Semasa kunjungan hormat tersebut, kedua-dua pihak menekankan pentingnya untuk terus mengukuhkan hubungan dua hala yang erat di antara Brunei Darussalam dan Amerika

Syarikat yang terus berkembang, terutamanya melalui Latihan Kerjasama Kesiapsiagaan di Perairan (Cooperation Afloat Readiness and Training - CARAT), yang didahului dengan Latihan Kingfisher di antara Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB) dan Tentera Laut Amerika Syarikat.

Hubungan pertahanan di antara kedua-dua belah pihak diperkuatkan lagi oleh interaksi pertahanan yang kerap di bawah rangka Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN dengan rakan dialog atau ASEAN Defence Ministers' Meeting (ADMM) Plus, termasuk ekseseis ketenteraan dan juga persidangan.

Sebelum lawatan rasmi ke Kementerian Pertahanan, TYT Laksamana Harris Jr. berkesempatan untuk menyampaikan Anugerah 'Legion of Merit (Degree of Commander) for exceptionally meritorious conduct in the performance of

outstanding services' kepada mantan Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Mohd. Tawih bin Abdullah di kediaman rasmi Duta Besar Amerika Syarikat.

Di bawah kepimpinan Yang Dimuliakan Pehin, Negara Brunei Darussalam buat pertama kalinya telah menyertai dalam Latihan Rim of the Pacific pada tahun 2014 dan juga menjadi tuan rumah kepada tiga persidangan pelbagai hala yang dianjurkan bersama dengan USPACOM di Brunei Darussalam.

Yang Dimuliakan Pehin merupakan Pemerintah ABDB yang pertama dan juga Pemerintah Pertahanan yang kedua di rantau ini, yang menerima anugerah tersebut.

Lawatan ini adalah lawatan pertama TYT ke negara ini sejak pelantikannya sebagai USPACOM pada 27 Mei 2015.

Isu tular : Pemindahan Tol Rasau tidak benar

Siaran Akhbar : Kementerian Perhubungan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 23 Februari. - Kementerian Perhubungan mengambil maklum atas Isu Perkhidmatan Pondok Tol Rasau yang tular di media sosial baru-baru ini, khususnya mengenai isu pemindahan pondok tol berkenaan ke lokasi baharu di Pos Kawalan Sungai Tujoh menjelang 1 April 2018 juga isu pengenaan caj sebanyak BND20 yang dikenakan pada kenderaan-kenderaan Brunei yang menuju ke Miri, Sarawak.

Sehubungan ini, Kementerian Perhubungan mensahkan bahawa andaian-andaian

tersebut ADALAH TIDAK BENAR dan memohon kerjasama orang ramai untuk menghentikan penularan berita yang sangat mengelirukan tersebut.

Seperti yang terkandung di bawah Akta Ketenteraman Awam Penggal 148 (Public Order Act, Chapter 148), penularan maklumat yang palsu dan tidak benar merupakan kesalahan yang membawa hukuman tiga (3) tahun penjara atau denda sebanyak BND3,000 atau keduanya sekali.

Kementerian Perhubungan menasihatkan orang ramai

supaya tidak mudah mempercayai dan menularkan sebarang maklumat yang disebarkan melalui internet dan / atau media sosial tanpa memastikan kesahihannya terlebih dahulu.

Untuk maklumat orang ramai, bagi memastikan kesahihan sebarang maklumat yang berkaitan dengan kementerian ini, mereka boleh menghubungi Pegawai Perhubungan Awam Kanan, Kementerian Perhubungan melalui alamat e-mel hazizah.saleh@mincom.gov.bn atau melalui talian +673 2383838 atau melayari laman sesawang rasmi Kementerian Perhubungan di alamat mincom.gov.bn.

Tingkatkan keselamatan pengangkutan di air

Siaran Akhbar :
Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 23 Februari. - Sebagai langkah berterusan dalam meningkatkan keselamatan pengangkutan di air, Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (PBMP) ingin mengingatkan para pemilik, pengusaha dan pemandu bot laju dan perahu tambang di negara ini supaya akan dapat mematuhi peraturan-peraturan keselamatan yang telah ditetapkan.

Perkara ini termasuk yang berkaitan dengan had muatan dan juga jaket keselamatan bagi memastikan perahu-perahu yang digunakan terjamin keselamatannya dan juga untuk para penumpang.

PBMP berserta agensi penguat kuasa yang lain akan terus bekerjasama untuk meningkatkan dan memperketatkan lagi operasi penguatkuasaan bagi memastikan keselamatan sistem pengangkutan

di air terjamin untuk penggunaan orang ramai dalam rutin harian.

PBMP akan mengambil tindakan terhadap pemandu-pemandu perahu tambang yang tidak mematuhi peraturan serta syarat-syarat keselamatan yang ditetapkan.

Demi keselamatan dan kesejahteraan orang ramai, khususnya semasa Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-34 nanti, pemandu-pemandu bot laju dan perahu tambang adalah dinasihatkan supaya mengurangkan had laju dan sentiasa berhati-hati terutama pada waktu keadaan sungai yang sibuk dengan perahu-perahu tambang beroperasi mengangkut penumpang-penumpang dan lebih lagi dalam keadaan cuaca tidak menentu. Pemilik-pemilik bot laju dan perahu tambang juga diingatkan mengenai kepentingan menyediakan kelengkapan

alat-alat keselamatan seperti jaket keselamatan, alat pemadam api, pengayuh dan lampu navigasi terutama sekali semasa cuaca berkabus pada waktu malam.

Orang ramai yang menggunakan bot laju atau perahu tambang di Sungai Brunei untuk rutin harian juga diingatkan untuk memakai jaket keselamatan. Pemakaian jaket keselamatan boleh menyelamatkan nyawa sekiranya berlaku kejadian tidak diingini seperti bot atau perahu karam atau terbalik. Semua langkah berjaga-jaga termasuk memakai jaket keselamatan termasuk tempat penyimpanannya di ruang yang mudah dicapai ketika berada di dalam perahu juga harus diberikan perhatian yang berat.

Para pemilik dan pemandu-pemandu bot laju dan perahu tambang serta orang ramai yang berminat untuk membeli alat-alat keselamatan, dan bagi sebarang aduan dan pertanyaan bolehlah menghubungi Bahagian Penguatkuasaan menerusi talian +673 8721347 untuk mendapatkan keterangan lanjut.

Pendaftaran mendapatkan keputusan peperiksaan melalui SMS

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Februari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam selaku Urus Setia Lembaga Peperiksaan Pelajaran Ugama Brunei (LPPUB) dengan kerjasama Bahagian Teknologi Maklumat memaklumkan bahawa pendaftaran bagi mendapatkan keputusan Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (Darjah VI) Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi melalui perkhidmatan SMS akan mula dibukakan.

Calon-calon peperiksaan, ibu bapa atau penjaga yang ingin melanggan perkhidmatan ini dikehendaki mendaftar terlebih dahulu, sama ada pendaftaran secara *online* atau melalui perkhidmatan SMS menggunakan telefon bimbit.

Pendaftaran adalah percuma dan pelanggan boleh mendaftar mulai Khamis, 22 Februari 2018 jam 900 pagi.

Pendaftaran secara *online* boleh dibuat menerusi laman sesawang KHEU di www.kheu.gov.bn, manakala pendaftaran melalui perkhidmatan SMS menggunakan telefon bimbit adalah dengan menaip KHEU (jarak) REG (jarak) NOMBOR PUSAT PEPERIKSAAN (jarak) NOMBOR INDEKS CALON dan hantar ke 8885555 bagi pelanggan DST atau 38666 bagi pelanggan PCSB.

Pendaftaran yang berjaya akan dimaklumkan kepada pelanggan melalui SMS tanpa sebarang kos kepada pelanggan.

Keputusan peperiksaan SMS hanya akan dihantar kepada pelanggan yang berdaftar setelah keputusan peperiksaan dikeluarkan.

Pelanggan akan dikenakan caj bayaran BND1 bagi setiap keputusan peperiksaan SMS yang diterima.

Sehubungan itu, dipohonkan kepada para pelanggan agar dapat memastikan telefon bimbit masing-masing mempunyai baki kredit yang mencukupi.

Melalui perkhidmatan ini nanti, diharapkan akan dapat memudahkan para calon, ibu bapa atau penjaga mengetahui keputusan peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (Darjah VI) Tahun 1438H / 2017M secara individu dengan lebih cepat dan tepat.

Bagi sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut mengenai kaedah pendaftaran serta terma dan syarat bagi perkhidmatan ini, bolehlah menghubungi Mach Telecommunications System Sdn. Bhd., melalui e-mel : mach@machbrunei.com.

Rumah Terbuka eratkan hubungan



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Md. Isham bin Jaafar semasa menghadiri perayaan Rumah Terbuka Gleneagles Jerudong Park Medical Centre (JPMC) sempena Tahun Baharu Cina 2018 (kiri), sementara gambar kanan, para pegawai dan kakitangan warga Gleneagles JPMC menjamu selera pada perayaan Rumah Terbuka tersebut.

JERUDONG, Khamis, 22 Februari. - Gleneagles Jerudong Park Medical Centre (JPMC) mengadakan perayaan Rumah Terbuka sempena Tahun Baharu Cina bagi mengeratkan hubungan sesama warga Gleneagles JPMC dan jemputan-jemputan khas yang

diraikan. Majlis yang diadakan di Restoran All Seasons, Parkview Hotel dihadiri oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Md. Isham bin Jaafar dan Ketua Pegawai Eksekutif

Gleneagles JPMC, Dr. Peter Tay. Sambutan Rumah Terbuka seumpamanya merupakan acara tahunan, dan juga salah satu acara bagi mereka untuk berkumpul dan menghargai selain bersuaikan dengan

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

pelanggan serta para pembekal, profesional kesihatan terutama dengan pegawai dan kakitangan Kementerian

Kesihatan di samping mengeratkan silaturahmi bersama agensi-agensi kerajaan dan swasta yang berkenaan.

Tinjau infrastruktur pembangunan, perhubungan

MUARA, Khamis, 22 Februari. - Ke arah memastikan infrastruktur perhubungan jalan raya di negara ini berada dalam keadaan selamat dan selesa digunakan oleh para pengguna jalan raya, Kementerian Pembangunan dan Kementerian Perhubungan mengadakan lawatan bersama di kawasan Serasa, Muara.

Lawatan disertai oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar dan Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof.

Hadir sama, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman selaku Ketua

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi

Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong; Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Haji Azhar bin Haji Ahmad; Ketua Pegawai Eksekutif DARE, Javed Ahmad; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dr. Awang Haji Supry bin Haji Awang Ladi; Ketua Pengarah Kerja Raya, Awang Haji Amer Hishamuddin bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Zakaria; pegawai-pegawai kanan kementerian-kementerian tersebut, DARE dan agensi-agensi berkaitan.

Bermula di pekarangan Masjid Setia Ali di sini, rombongan

meninjau perkembangan pembangunan di kawasan Serasa dan Jalan Perusahaan Serasa menuju ke kawasan Perindustrian Serasa yang berakhir di kawasan Casting Yard Serasa.

Semasa ditemui Menteri Pembangunan berkata, pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) telah melihat keadaan kerosakan jalan-jalan yang turut digunakan oleh jentera berat dan kerja-kerja pembaikan akan dilakukan oleh pihak JKR dengan kerjasama kontraktor terlibat. Seterusnya Yang Berhormat menambah, pada jangka masa panjang jalan-jalan berkenaan juga akan turut dinaik taraf.

Sementara itu, Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Awang Abdul Mutalib turut menasihatkan orang ramai, termasuk pengguna jalan-jalan raya agar sentiasa waspada semasa memandu melalui jalan-jalan kawasan Serasa memandangkan jalan-jalan tersebut turut digunakan oleh syarikat logistik yang beroperasi di kawasan berkenaan.

Tambah beliau lagi, melalui agensi-agensi dalam Kementerian Perhubungan papan-papan tanda akan dikemas kini dan dipasang.

Kementerian Perhubungan jelasnya, juga akan mengadakan sesi dialog bersama syarikat-syarikat yang terlibat agar peka dan mengikut peraturan yang berjalan ketika ini.

Pada akhir lawatan, rombongan diberikan penerangan mengenai aktiviti-aktiviti yang berjalan berkaitan dengan pembinaan jambatan menghubungkan Daerah Brunei Muara dan Daerah



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar dan Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof semasa diberikan penerangan sebelum mengadakan lawatan.

Temburong. Sehubungan itu, kedua-dua kementerian tersebut serta agensi-agensi yang berkepentingan, memohon kerjasama orang ramai khususnya masyarakat setempat agar bersabar

dan memahami keadaan jalan raya yang ada ketika ini, sementara menunggu kerja-kerja pembaikan selesai dilaksanakan oleh pihak kontraktor mengikut tatacara dan piawaian yang ditetapkan oleh JKR.



YANG Berhormat Menteri Pembangunan dan Yang Berhormat Menteri Perhubungan serta Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman meninjau jalan-jalan raya yang rosak oleh jentera berat di Serasa, Muara.



YANG Berhormat Menteri Pembangunan dan Yang Berhormat Menteri Perhubungan melawat kerja-kerja pemuliharaan jalan-jalan yang rosak di beberapa kawasan Jalan Perusahaan dan Perindustrian Serasa.

Mangsa banjir terima sumbangan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Februari. - Kejadian hujan lebat yang berlaku pada bulan Disember 2017 telah mengakibatkan beberapa kawasan rendah di negara ini mengalami banjir kilat.

Di Daerah Brunei dan Muara, antara kawasan yang teruk terjejas ialah Mukim Lumapas, Kampung Tanah Jambu dan Kampung Subok.

Dalam meringankan beban mangsa yang terlibat dalam kejadian banjir tersebut, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) telah mengadakan Majlis Penyampaian Bantuan Kewangan Kerajaan bagi 121 orang penerima yang terjejas daripada Mukim Lumapas, Kampung Tanah Jambu dan Kampung Subok bertempat di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Hadir menyempurnakan penyampaian bantuan kewangan kerajaan tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Antara yang hadir pada Majlis Penyampaian Bantuan Kewangan Kerajaan ini ialah Penghulu Mukim Lumapas, Awang Haji Bakar bin Mansor; Ketua Kampung Lumapas 'B', Awang Haji Chuchu bin Haji Serudin dan



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menyampaikan bantuan kewangan kepada para penerima dari Mukim Lumapas, Kampung Tanah Jambu dan Kampung Subok (kiri dan kanan).

Ketua Kampung STKRJ Lumapas, Awang Haji Mohd. Yassin bin Haji Hassan.

Sementara itu, salah seorang penerima dari Kampung Lumapas 'B', Dayang Suraya bin Karim, menjunjung kasih dan setinggi penghargaan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Manakala Pegawai Waran I (B) Haji Awang Metussin bin Hidop dari Kampung Lumapas 'B' semasa ditemui turut merakamkan ucapan terima kasih dan kesyukuran atas bantuan yang diberikan oleh agensi-agensi kerajaan semasa

kejadian banjir yang berlaku di kediaman beliau.

Majlis diakhiri dengan bacaan doa yang dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Kamarulzaman bin Haji Jakar.

Turut hadir, Pemangku Setiausaha Tetap KKBS, Awang Haji Amer Hamzah bin



Berita dan Foto :
Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi

Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria; Pemangku Pengarah JAPEM, Dayang Hajah Rostinah binti Pehin Orang Kaya Seri

Sura Pahlawan Dato Paduka Haji Mohd. Tahir; wakil-wakil daripada jabatan-jabatan kerajaan dan para pegawai-pegawai kanan JAPEM.

Pesuruhjaya Polis menerima Anugerah Bintang Tertinggi POLRI



PESURUHJAYA Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam menerima Anugerah Bintang Bhayangkara Utama, Presiden Republik Indonesia yang disampaikan oleh Ketua Kepolisian Indonesia (POLRI), Yang Terhormat Jenderal Polisi Dato Paduka Seri Dr. Andas Haji Mohammad Tito Karnavian.

Siaran Akhbar dan Foto :
Pasukan Polis Diraja Brunei

JAKARTA, REPUBLIK INDONESIA, Rabu, 21 Februari. - Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei (PDB), Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam telah menerima Anugerah Bintang Bhayangkara Utama yang dianugerahkan oleh Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dato Laila Utama Joko Widodo.

Majlis Penganugerahan tersebut berlangsung minggu lalu, 14 Februari 2018 di Auditorium STIKPTIK Jakarta.

Bintang Bhayangkara Utama adalah anugerah tertinggi dalam Pasukan Kepolisian Republik Indonesia (POLRI) yang dianugerahkan khas kepada individu yang banyak memberikan sumbangan dalam kerjasama memerangi jenayah serantau dan antarabangsa.

Anugerah Bintang berkenaan disampaikan oleh Ketua Kepolisian Indonesia (POLRI), Yang Terhormat Jenderal Polisi Dato Paduka Seri Dr. Andas Haji Mohammad Tito Karnavian.

Mesyuarat CCEM Ke-20 bincangkan isu utama pendidikan

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Pendidikan

FIJI, Rabu, 21 Februari. - Persidangan Menteri-Menteri Pendidikan Komanwel Ke-20 (CCEM Ke-20) telah berlangsung dari 19 hingga 23 Februari 2018 di Nadi, Fiji. Mengetuai delegasi dari Negara Brunei Darussalam ialah Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dr. Awang Haji Azman bin Ahmad.

Persidangan tersebut mengumpulkan Menteri-Menteri Pendidikan dan wakil pendidikan dari 53 negara anggota Komanwel untuk membincangkan isu-isu utama dan bekerjasama dalam dialog penting mengenai pendidikan. Ia juga memberi peluang kepada perkongsian

pengetahuan dan amalan terbaik dalam sektor pendidikan.

Persidangan kali ini termasuk mengemas kini tindakan mengikut mandat CCEM serta mengenal pasti bidang tindakan bagi tiga tahun akan datang untuk pendidikan di Komanwel.

Persidangan tahun ini dirasmikan oleh Perdana Menteri Fiji, Yang Berhormat Frank Bainimarama.

Majlis perasmian juga diselenggarakan dengan ucap tama daripada Setiausaha Agung Komanwel, Yang Amat Berhormat Patricia Scotland; mantan Perdana Menteri New Zealand, Yang Amat Berhormat Helen Clark dan

mantan Pentadbir Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP), yang menekankan pada tema 'Kemampuan dan Ketahanan : Bolehkah Pendidikan Menyampaikan?'

Di samping itu, CCEM Ke-20 adalah persidangan pertama sejak Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) diterima dan banyak tumpuan untuk mengenal pasti strategi yang berkesan untuk membolehkan negara-negara anggota mencapai pendidikan SDG 4 dan menyeluruh untuk semua.

Ini adalah selaras dengan salah satu objektif utamanya, iaitu untuk menangani dan menentukan mekanisme di mana sistem pendidikan di seluruh Komanwel dapat membolehkan pembangunan mampan dan menangani cabaran global utama.



PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dr. Awang Haji Azman bin Ahmad (belakang, lima dari kiri) mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam sempena Persidangan Menteri-Menteri Pendidikan Komanwel Ke-20 (CCEM Ke-20) yang berlangsung di Nadi, Fiji.

Bersyukur dikurniakan pemimpin yang adil

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Februari. - Sebagai umat Islam di Negara Brunei Darussalam, kita dikehendaki untuk sentiasa menzahirkan rasa syukur di atas nikmat yang dilimpahkan kepada negara kita dan di atas pengurniaan seorang pemimpin adil yang menegakkan syariat Islam di dalamnya.

Terutama dalam konteks 34 tahun mengecapi kemerdekaan, Allah Subhanahu Wata'ala akan melestarikan perasaan syukur itu dengan nikmat yang tidak akan hilang atau putus kepada negara dan penduduk yang bersyukur.

Demikian antara inti pati Ceramah Khas sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-34 bertajuk 'Mensyukuri Nikmat Kemerdekaan' yang disampaikan oleh penceramah dari

Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Harapandi Dahri yang diadakan di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar.

Hadir mendengarkan ceramah tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Majlis juga dihadiri oleh lebih 120 orang pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Ke-7.

Menurut Dr. Haji Harapandi, syukur itu mempunyai tiga ketentuan, iaitu syukur dengan hati, yang mana kita merasakan ketenangan yang Allah Subhanahu Wata'ala kurniakan; syukur



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin hadir mendengarkan Ceramah Khas sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-34 bertajuk 'Mensyukuri Nikmat Kemerdekaan'.

dengan lisan, iaitu berdoa di atas ketenangan yang dirasa, dan syukur dengan bekerja, iaitu melakukan aktiviti sesuai amanah yang diberikan oleh Allah.

"Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan pemimpin yang adil di negara ini dengan syariat Islam di dalamnya, sebagai bukti negara ini bersyukur atas nikmat yang

dikurniakan, dan merupakan tugas kita untuk mentaati perlembagaan dan undang-undang dengan menjaga keharmonian, menambahnya lagi.

Penjagaan kebersihan bermula daripada sikap individu

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Februari. - Kebersihan adalah satu amalan mulia, yang mana amalan tersebut sentiasa dituntut dalam agama Islam.

Maka kerana itulah kita selaku masyarakat di negara ini hendaklah mengambil berat dan

bertanggungjawab dalam menjaga kebersihan di mana-mana sahaja.

Dayang Julia Hayati binti Addy Irwan dari Persatuan Orang Kelainan Upaya (POKU) ketika ditemui Pelita Brunei berkata, apa yang penting adalah sikap individu itu sendiri dalam mencintai dan

sayangkan negara terutama dalam hal-hal penjagaan kebersihan yang sepatutnya diamalkan sejak dari rumah lagi.

Jelasnya, kemudahan-kemudahan atau tempat-tempat tong sampah sudah banyak disediakan oleh pihak kerajaan di merata-rata tempat, baik di kawasan sektor kerajaan dan swasta, bahkan di kawasan gedung-gedung perniagaan dan banyak lagi.

"Jadi kita selaku rakyat dan penduduk di negara ini hendaklah memastikan persekitaran dalam keadaan bersih dari pencemaran udara lebih-lebih lagi semasa menyambut acara keraian di tempat sendiri," tambahnya lagi.

Sementara itu, Dayang Fatimatuz Aqilah binti Awang Rahim pula berpendapat kita

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

orang-orang Brunei hendaklah menunjukkan sikap dan contoh ikutan yang baik, agar orang luar mengikut sama dalam menjaga kebersihan di negara ini.

Menurutnya, kepentingan pengamalan penjagaan kebersihan itu juga hendaklah diterapkan kepada golongan muda, remaja dan kanak-kanak dengan memperbanyakkan acara seperti kempen-kempen kebersihan setiap masa.

Dengan menyemai sikap menjaga kebersihan itu akan dapat memberi kesedaran kepada mereka betapa pentingnya menjaga kebersihan demi agama, bangsa dan negara.

Salah seorang pelancong dari Jepun, Ayako Kiriya pula berasa kagum dengan keunikan dan keindahan yang diadakan di ibu negara.

Beliau berpendapat adalah wajar bagi sesiapa sahaja untuk menjaga kebersihan, bukan sahaja untuk diri sendiri, tetapi untuk negara masing-masing.

"Kebersihan sepatutnya ditanamkan dalam diri masing-masing dan diamalkan dalam kehidupan sehari-hari," terangnya semasa menyaksikan Latihan Penuh Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34, Tahun 2018.

Projek Rintis B-Fit4Life

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Februari. - Program B-Fit4Life adalah sebuah program yang dikendalikan bersama oleh Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Kesihatan.

Justeru itu, Jabatan Pendidikan Kokurikulum melalui Unit Jasmani mengadakan projek rintis bagi Program Latihan untuk jurulatih bagi B-Fit4Life 2018 yang diadakan di Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan, di sini.

Seramai 24 peserta dari 12 buah sekolah rendah, menengah dan maktab serta pendidikan swasta menyertai program tersebut.

Tujuan program tersebut diadakan ialah bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan dalam kalangan remaja sekolah yang mempunyai berat badan berlebihan dan cara mengamalkan gaya hidup sihat.

SESI kongsi sama oleh Guru Sekolah Menengah Rimba, Dayang Kartini binti Haji Bakar pada program berkenaan.



ANTARA peserta yang menyertai program tersebut.



DAYANG Fatimatuz Aqilah binti Awang Rahim ... Semai sikap menjaga kebersihan akan dapat memberi kesedaran kepada mereka betapa pentingnya menjaga kebersihan demi agama, bangsa dan negara.



DAYANG Julia Hayati binti Addy Irwan ... Selaku rakyat dan penduduk di negara ini hendaklah memastikan persekitaran dalam keadaan bersih dari pencemaran udara lebih-lebih lagi semasa menyambut acara keraian di tempat sendiri.



PELANCONG dari Jepun, Ayako Kiriya ... Adalah wajar bagi sesiapa sahaja untuk menjaga kebersihan, bukan sahaja untuk diri sendiri, tetapi untuk negara masing-masing.

Penutupan Muzium, Galeri sempena Hari Kebangsaan Ke-34

Siaran Akhbar : Jabatan Muzium-Muzium

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Februari. - Jabatan Muzium-Muzium memaklumkan kepada orang ramai bahawa Dewan-Dewan Pameran dan Galeri di bawah pentadbiran Jabatan Muzium-Muzium akan ditutup setengah hari sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34 pada Sabtu,

24 Februari 2018.

Muzium-Muzium dan Galeri yang dimaksudkan ialah Muzium Teknologi Melayu; Muzium Alat Kebesaran Diraja; Taman Warisan Tasek Merimbun; Galeri Seni, Dermaga Diraja Bandar Seri Begawan; Muzium Maritim Brunei Darussalam; Galeri Sukan, Stadium Negara Hassanul Bolkiah; Taman

Arkeologi Kota Batu dan Muzium Daerah Belait, Jalan Maulana, Kuala Belait.

Waktu lawatan akan dibuka semula pada hari yang sama jam 1.30 hingga 5.00 petang.

Untuk makluman, Muzium Brunei dan Bubungan Dua Belas masih ditutup bagi membolehkan kerja-kerja pemeliharaan bangunan, kawasan dan kunjungan orang ramai.

Festival Filem Jepun dilancarkan

Berita dan Foto : Aimi Sani



DUTA Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Motohiko Kato melancarkan Festival Filem Jepun di Negara Brunei Darussalam.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Februari. - Yayasan Jepun dan Kedutaan Besar Jepun di Negara Brunei Darussalam buat pertama kalinya mempersembahkan Festival Filem Jepun di Negara Brunei Darussalam bermula hari ini hingga 28 Februari 2018

bertempat di The Arena Cineplex, Seri Qlap Mall.

Hadir selaku tetamu kehormat seterusnya melancarkan festival tersebut ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Motohiko Kato.

Sebanyak tujuh filem telah ditetapkan untuk ditayangkan, menyusun pelbagai genre termasuk drama, animasi, adaptasi manga dan misteri.

Antara filem yang akan disiarkan di festival ini adalah Chihayafuru I and Chihayafuru II yang diarahkan oleh Koizumi Nori, Her Love Boils Bath Water (Nakano Ryota), Rudolf the Black Cat (Yuyama Kunihiko and Sakakibara Motonori), ReLIFE (Furusawa Takeshi), Honnouji Hotel (Suzuki Masayuki) dan The Mohican Comes Home (Okita Shuichi).

Pada majlis pelancaran tersebut, tetamu kehormat serta tetamu yang lainnya turut menyaksikan filem Chihayafuru I.

Filem Jepun yang memenangi anugerah ini pasti akan dapat menambat hati penonton-penonton di negara ini dan semua filem akan ditayangkan dalam bahasa Jepun

dengan sari kata bahasa Inggeris.

Kemasukan adalah percuma kepada orang awam mulai 22 Februari 2018 dan tiket masuk boleh didapatkan mengikut prioriti awal (*first come first serve basis*), bermula pada jam 5.00 petang hingga 6.30 petang setiap hari di pawagam di mana tayangan akan bermula jam 7.30 malam.

Festival Filem Jepun merupakan platform untuk menarik minat

filem Jepun dalam kalangan penonton di negara anggota ASEAN termasuk Negara Brunei Darussalam.

La bertujuan untuk memberi peluang kepada orang ramai berkumpul di luar dan dalam talian, dalam membina sebuah sistem untuk perantaraan yang luas antara pasaran filem Asia-Pasifik dan industri filem Jepun.

Yayasan Jepun adalah satu-

satunya institusi didedikasikan untuk melaksanakan program pertukaran kebudayaan antara-bangsa yang komprehensif di seluruh dunia selain memupuk persahabatan dan hubungan antara Jepun dan dunia di samping mewujudkan peluang global dalam memupuk persahabatan, kepercayaan dan persefahaman bersama melalui budaya, bahasa dan dialog.

12 ahli MKM sertai Misi Kemanusiaan Cox Bazar

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin



MAJLIS Kesejahteraan Masyarakat (MKM) mengadakan Majlis Doa Selamat dan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah bersempena Misi Kemanusiaan Ke-2, dan diselenggarakan dengan penempatan pejabat baharu persatuan berkenaan yang bertempat di Kampung Sungai Hanching.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Februari. - Seramai 12 ahli daripada Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM) bakal bertolak ke Kem Pelarian Balukhali Rohingya di Cox Bazar, Bangladesh. Mereka akan menjalankan Misi Kemanusiaan Ke-2 mereka

di sana yang juga menyaksikan Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah berlangsung di sana.

Mengetuai rombongan Misi Kemanusiaan Ke-2 berkenaan pada Mac 2018 ialah Yang Di-Pertua MKM, Datin Paduka Hajah Intan binti

Haji Mohd. Kassim.

Sehubungan itu, MKM mengadakan Majlis Doa Selamat dan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah bersempena Misi Kemanusiaan Ke-2 yang diselenggarakan dengan penempatan pejabat baharu persatuan berkenaan yang bertempat di Kampung Sungai Hanching, di sini.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah diimamkan oleh Awang Muhd. Nabil bin Haji Maidin, yang kemudiannya mengetuai bacaan Doa Selamat beramai-ramai.

MKM merupakan persatuan berdaftar yang antara lain bertujuan untuk menyalurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan sama ada di dalam negara mahupun serantau.

Pada Misi Kemanusiaan Ke-2 tersebut, sebanyak 4,760 *foodpack* akan diberikan kepada keluarga pelarian Rohingya yang mana setiap *foodpack* dapat menampung satu keluarga (empat orang) selama seminggu, ahli MKM juga akan membina 15 telaga (*tubewell*) yang mana setiap telaga dapat menyediakan air yang berterusan kepada 200 orang pelarian.

Tip Pendidikan



Diriwayatkan oleh Imam at-Tirmidzi, dari Abu Hurairah Radiallahuanhu, katanya : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Barang siapa yang menempuh satu jalan untuk mencari ilmu pengetahuan, maka Allah akan mempermudah baginya suatu jalan menuju ke syurga."

- Ambil nota semasa belajar di kelas.
- Cantikkan nota di rumah agar ia menjadi lebih menarik.
- Membuat nota ringkasan dengan menggunakan ayat sendiri yang mudah difahami.
- Tandakan isi-isi penting menggunakan pen penanda / pelekat yang berwarna-warni dapat memudahkan pelajar semasa mengulang kaji.
- Nota boleh ditukar menjadi *flash card* bagi memudahkan untuk dibawa ke mana-mana.
- Membuat peta minda.
- Buat kumpulan belajar.
- Elakkan mereka yang bersikap negatif.
- Ibu bapa perlu mengenal pasti jika anak-anak memerlukan bantuan.

SUMBER : KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Pelbagai kemudahan tingkatkan jumlah pelancong



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali semasa ditemui pada Raptai Penuh Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-34 di ibu negara.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Februari. - Setiap 23 Februari menandakan tarikh yang sangat penting dalam kalendar peristiwa Brunei Darussalam.

Ia adalah acara yang paling dinanti-nantikan dalam kalangan penduduk tempatan dan pelancong yang kini berada di negara ini, untuk menyaksikan sambutan hebat yang menandakan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Perkara ini dijelaskan oleh Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali semasa Raptai Penuh Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-34, di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

Tahun ini menandakan peringatan ke-34 tahun kemerdekaan negara.

"Perayaan ini selalu dianggap mempunyai peluang sekali untuk menyaksikan dan juga bagi

pelancong yang berpeluang menyaksikannya juga. Mereka mempunyai pengalaman yang tidak dapat dilupakan kerana mereka menyaksikan semangat patriotik beribu-ribu orang rakyat Brunei yang datang ke ibu negara untuk memeriahkan lagi Hari Kebangsaan," jelasnya.

Ketibaan pelancong pada tahun 2017 jelasnya, dijangkakan mencapai sasaran peningkatan sebanyak 10 peratus. Ini adalah hasil daripada beberapa usaha kerjasama yang telah dibuat oleh pelbagai agensi kerajaan dan sektor swasta untuk mempromosi dan memudahkan lagi ketibaan pelancong ke negara ini.

"Misalnya, kerjasama dengan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk menyediakan kemudahan visa seperti Visa-on-Kedatangan dan visa masuk berganda bagi pemegang

pasport Republik Rakyat China telah dilaksanakan sejak tahun lalu, pengkelan visa hingga 30 hari bagi pemegang pasport Turki dan baru-baru ini rakyat Rusia mungkin dapat melawat negara ini sehingga 14 hari dari tarikh ketibaan," ujarnya.

Dengan pengecualian visa menurutnya, dapat memberikan peluang kepada Brunei untuk menarik pelawat Rusia atau Turki yang melawat negara-negara di sekitar Asia untuk turut memasukkan Brunei sebagai destinasi pelancongan seterusnya.

Katanya, ejen pelancongan setempat boleh menghubungkan rakan-rakan mereka dalam mempromosikan dan mewujudkan pakej pelancongan yang menarik untuk penginapan panjang atau pendek di negara

ini.

Di samping itu, Royal Brunei Airlines (RB) juga bekerjasama rapat dengan jabatan dan agensi kerajaan di Brunei dan China untuk memulakan semula perkhidmatan ke Beijing dan juga destinasi lain dalam perancangan.

"Saya gembira dapat mengongsikan bahawa Brunei akan menganjurkan dua pertandingan golf antarabangsa untuk tiga tahun akan datang, iaitu Kejohanan Richard Mille Brunei pada 8 hingga 10 Mac dan juga Terbuka Wanita Brunei pada 17 hingga 19 Mac. Kedua-dua acara itu akan diadakan di The Empire Hotel & Country Club. Beberapa acara tandatangan lain juga akan diadakan seperti Asian Enduro Series dan Festival Brunei," ujarnya.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Masri Osman

Brunei sertai Program Pemimpin Muda di Australia

Siaran Akhbar dan Foto : Suruhanjaya Australia di Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Februari. - Charlotte Lim dari The Creative Core BN telah dipilih mewakili Negara Brunei Darussalam bagi mengikuti Australia - ASEAN Emerging Leaders Program 2018 (A2ELP).

Usahawan Muda Sosial Brunei itu dipilih bagi program berprestij berdasarkan minatnya terhadap industri seni kreatif dan komitmen dalam pendidikan seni.

Melalui The Creative Core BN, Charlotte memberi tumpuan kepada pendidikan seni melalui pengalaman dan kolaborasinya.

Menurut Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Nicola Rosenblum, A2ELP adalah inisiatif Kerajaan Australia dengan mengiktiraf usahawan muda sosial di Australia dan negara ASEAN untuk menangani cabaran kritikal di rantau ini dan ini

merupakan pengiktirafan yang indah bagi Charlotte dan sumbangan yang dibuatnya kepada seni kreatif Brunei dan pendidikan seni.

Beliau akan menyertai para pemimpin baharu dari Australia dan kesemua 10 negara anggota ASEAN untuk program inkubasi intensif di Melbourne dan Sydney pada bulan Mac bagi meneroka peranan perniagaan dalam memacu perubahan sosial, meningkatkan pemahaman usaha sosial, dan mempelajari teknik untuk membangunkan perusahaan dan memaksimumkan impaknya.

A2ELP 2018 juga mempunyai kaitan dengan Sidang Kemuncak Khas ASEAN - Australia, yang akan diadakan pada 16 hingga 18 Mac 2018 di Sydney, di mana Sidang Kemuncak ini merupakan kali pertama para pemimpin ASEAN akan bertemu di Australia dan akan memberikan peluang mereka untuk mengukuhkan hubungan ASEAN - Australia dan mendalami perkongsian strategik

dan ekonomi dengan Asia Tenggara.

Semasa Sidang Kemuncak, Charlotte dan Aimi Ramlee dari Tyne Solutions, peserta Brunei A2ELP 2017, juga akan bertemu dengan Perdana Menteri Australia, The Honourable Malcolm Turnbull MP.

A2ELP dibiayai oleh Majlis

Australia-ASEAN (AAC), yang ditubuhkan pada tahun 2015 untuk menjana peluang perniagaan, pendidikan, sains dan inovasi Australia dan seni untuk bekerjasama dengan rakan-rakan di Asia Tenggara.

Untuk maklumat lanjut mengenai A2ELP, boleh melayari laman www.dfat.gov.au/aac.



PESURUHJAYA Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Nicola Rosenblum (kanan) dan Setiausaha Kedua di Suruhanjaya Tinggi Australia, Jo McIntosh (kiri) bergambar bersama Charlotte Lim dari The Creative Core BN (tengah) yang dipilih mewakili Negara Brunei Darussalam mengikuti Australia - ASEAN Emerging Leaders Program 2018 (A2ELP).

Rumah perjudian diserbu

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei


BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Februari. - Hasil maklumat yang dikongsi sama oleh orang awam telah membuahkan hasil di mana Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) telah berjaya membuat serbuan ke atas sebuah rumah yang menjalankan aktiviti perjudian secara *online* pada 21 Februari 2018.

Unit Penumpasan Perjudian dan Pencegahan Maksiat, Jabatan Siasatan Jenayah, PDB dalam serbuan yang dijalankan di sebuah rumah di kawasan Kampung Rimba, Gadong telah berjaya membuat tangkapan ke atas dua orang warga tempatan, seorang penduduk tetap dan dua orang warga Malaysia yang terlibat dalam kegiatan perjudian tersebut.

Sehubungan itu, pihak polis telah menemui serta merampas 15 unit komputer riba dan sebuah unit *gaming machine* yang mengandungi program permainan perjudian SCR888.

Kes ini sedang disiasat di bawah Seksyen 4 - kesalahan melibatkan pengendalian tempat perjudian, Akta Rumah Judi Terbuka, Penggal 28.

PDB menasihatkan orang ramai supaya tidak akan terlibat di dalam aktiviti yang menyalahi undang-undang ini, dan memohon jika mendapati sebarang aktiviti yang mencurigakan hendaklah berhubung terus ke talian kecemasan atau memaklumkan kepada balai-balai polis yang berdekatan.



RUMAH perjudian tersebut dilengkapi dengan komputer-komputer yang mengandungi program permainan perjudian.

LENSA

Awda kreatif, berbakat dan berminat dalam fotografi?

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Gambar yang dihantar hendaklah dalam format JPEG dengan ukuran gambar 7" x 5" 300 dpi dan disertakan penerangan ringkas tidak melebihi 100 perkataan.
3. Setiap gambar perlu diberi keterangan mengenai jenis kamera yang digunakan (DSLR/compact/kamera telefon), konfigurasi kamera (ISO, Aperture dan shutter speed)
4. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar melalui :
pelita.brunei@information.gov.bn
5. Jabatan Penerangan adalah dibenarkan untuk menggunakan gambar yang terpilih dalam mana-mana terbitan jabatan.
6. Gambar terpilih akan memenangi wang sagu hati BND50.00.

Tajuk-tajuk akan datang:

- 1) 'Taman dan Rekreasi di Negara Brunei Darussalam' (tarikh tutup 24 Februari 2018)
- 2) 'Keceriaan Sambutan Hari Kebangsaan' (tarikh tutup 10 Mac 2018)
- 3) Hobi - (tarikh tutup 24 Mac 2018)

Kesemua tajuk-tajuk hendaklah dihantar sebelum jam 12.00 tengah hari pada tarikh-tarikh tutup berkenaan.



KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI
DAN PERDAGANGAN

JABATAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN ANTARABANGSA
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN

JAWATAN KOSONG
DI SEKRETARIAT KOMANWEL, LONDON

Adviser Assistant Research Officer - International Trade Policy Young Programme

TARIKH TUTUP : 28 Februari 2018

UNTUK makluman, maklumat lanjut mengenai jawatan-jawatan tersebut boleh didapati melalui laman sesawang : <http://thecommonwealth.org/jobs>



KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI
DAN PERDAGANGAN

JABATAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN ANTARABANGSA
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN

JAWATAN KOSONG
DI COMMONWEALTH SECRETARIAT ARBITRAL TRIBUNAL (CSAT)

An Asia Region Representative on the
Commonwealth Secretariat Arbitral Tribunal (CSAT)

TARIKH TUTUP : 16 Mac 2018

PENCALONAN dan *curriculum vitae* hendaklah dihidangkan terus kepada Ms. Madonn Lynch melalui emel : m.lynn@commonwealth.int



KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

TAWARAN

12 MONTHS TERM CONTRACT OF RUBBISH COLLECTION
FOR KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN
(2018 - 2019)

1. TAWARAN hanyalah dipelawa kepada syarikat-syarikat / pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Kelas I & II dalam Kategori B01 & KA01 sahaja di Negara Brunei Darussalam.

2. Setiap borang tawaran yang telah diisi dengan lengkap HENDAKLAH DIHANTAR BERSERTA DENGAN SALINAN SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN 16 & 17 DAN SALINAN RESIT. Tawaran hendaklah diisikan dan dicap syarikat dengan menggunakan dakwat berwarna BIRU sahaja.

3. Borang tawaran serta salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan 16 & 17 hendaklah dihantar dalam SAMPUL SURAT BIASA YANG TERTUTUP, pada bahagian atas sampul surat tersebut ditulis dengan jelas TAJUK atau sebagaimana yang diiklankan serta tanpa menunjukkan identiti pembekal dan dimasukkan ke dalam PETI TAWARAN yang ditujukan kepada :

Pengerusi
Bahagian Kewangan
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan
Kementerian Hal Ehwil Ugama
Negara Brunei Darussalam.

4. Mengambil borang tawaran mula dibukakan pada Rabu, 5 Jamadilawal 1439H bersamaan 21 Februari 2018M dan tarikh akhir mengambil borang tawaran ialah pada Isnin, 10 Jamadilakhir 1439H bersamaan 26 Februari 2018M, jam 3.00 petang.

5. Tempat untuk mendapatkan borang tawaran tersebut ialah di Bahagian Kewangan, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Kementerian Hal Ehwil Ugama, Negara Brunei Darussalam pada hari-hari dan jam bertugas sahaja.



JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

RUJUKAN TAWARAN :
(03) JBS / ADM / UP / 2018

Tarikh Tutup :
Rabu, 7 Mac 2018

Peti Sebut Harga
Tingkat 4
Jabatan Belia dan Sukan
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Simpang 336 - 17, Jalan Kebangsaan
Bandar Seri Begawan, BA1211
Negara Brunei Darussalam.

BIL TAWARAN :
(24) JBS / ADM / QC / 2018

KETERANGAN :
REPLIKA TROPHY, FAIR PLAY
TROPHY & PEMAIN TERBAIK
TROPHY BAGI PERSIAPAN
HASSANAL BOLKIAH TROPHY
2018

YURAN TAWARAN :
BND5.00

Jam :
tidak lewat jam 2.00 petang

Cagaran :
Seperti yang dinyatakan pada
Keterangan Sebut Harga -
bagi setiap satu dokumen
(tidak dikembalikan).

Dokumen - dokumen dan penerangan -
penerangan yang lanjut boleh diperoleh
di Bahagian Unit Hasil, Tingkat 4,
Jabatan Belia dan Sukan, Simpang
336 - 17, Jalan Kebangsaan, Berakas,
BA1211, Negara Brunei Darussalam.

Waktu Menerima Bayaran

Isnin hingga Khamis
8.30 pagi hingga 11.30 pagi

Sabtu
8.30 pagi hingga 10.30 pagi



JABATAN PERKHIDMATAN POS
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

PEMBERITAHUAN AWAM

SEMUA Perkhidmatan kaunter di semua cawangan Jabatan Perkhidmatan Pos ditutup pada hari Jumaat dan Sabtu, 23 - 24 Februari 2018. Penutupan tersebut adalah disebabkan oleh Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34.

Kaunter akan beroperasi semula pada hari Isnin, 26 Februari 2018.

Jabatan Perkhidmatan Pos ingin memohon maaf di atas kesulitan yang dihadapi.

PEMANGKU KETUA POS AGUNG
JABATAN PERKHIDMATAN POS
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

JUALAN LELONG BAGI
PENGHAPUSAN
DARI KIRA-KIRA SECARA
TAWARAN AWAM
(SEBUT HARGA)

JUALAN lelong secara tawaran awam (sebut harga) bagi 2 unit perabot pejabat seperti dinyatakan di bawah :

KETERANGAN & KATEGORI

1. Kerusi kerja Div. IV, 1 Lot.
2. Plan File Kabinet, 1 Lot.

TEMPAT MELIHAT :

Jabatan Perancang Bandar dan Desa
Cawangan Kuala Belait
Negara Brunei Darussalam.

TARIKH TUTUP TAWARAN :

8 Mac 2018, jam 2.00 Petang.

TEMPAT MENGHANTAR :

Peti Sebut Harga, Tingkat 2
Bahagian Pentadbiran
Jabatan Perancang Bandar dan Desa
Lapangan Terbang Lama, BSB.

Syarat-syarat Tawaran Lelong Awam :

1. Tawaran adalah dibukakan kepada orang ramai.

2. Orang ramai yang hendak ikut serta dalam tawaran secara sebut harga ini hendaklah menggunakan borang yang disediakan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa yang boleh diperolehi di Tingkat 2, Bahagian Pentadbiran, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Lapangan Terbang Lama, Bandar Seri Begawan.

3. Hanya pembeli yang berjaya dalam tawaran sebut harga ini akan dihubungi untuk urusan seterusnya.

4. Tawaran awam secara sebut harga yang berjaya dinilai berdasarkan pada harga tawaran yang tertinggi.

5. Pembeli yang berjaya dikehendaki untuk membayar secara tunai dan seterusnya dikehendaki memindahkan peralatan berkenaan tidak lewat tiga (3) hari dari tarikh pembayaran.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

No. Tawaran :
JPPK / LTN / 03 / 2018
TWO YEARS TERM CONTRACT
FOR MAINTENANCE OF
GRASS CUTTING AT
BERAKAS GARRISON
AND PULAU BARU-BARU
Bayaran Tawaran
BND30.00 (tidak dikembalikan)
Kelas : II & Ke atas
Kategori : KPB 12 dan S03
Tempoh Penyiaian :
DUA (02) TAHUN

a. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garrison, BB3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat jam 2.00 Petang, Selasa, 6 Mac 2017.**

Dokumen-dokumen tawaran serta syarat-syarat lanjut mengenai tawaran ini bolehlah diperolehi dari Bangunan Arkib, Aras Bawah, Bolkiah Garrison, BS3510, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Selasa). **Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada 2 Mac 2018, Jumaat, jam 11.00 Pagi.**

Waktu bagi menerima bayaran :

Isnin hingga Khamis
8.00 Pagi hingga 12.00 Tengah Hari
2.00 Petang hingga 3.00 Petang
Jumaat
8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi

Waktu bagi mengambil

dokumen-dokumen tawaran :
Isnin hingga Selasa
8.30 Pagi hingga 11.30 Pagi



KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN

PENGAMBILAN PELAJAR BULAN OGOS 2018 SESI AKADEMIK 2018 / 2019

NOTA UMUM

1. PEMOHON Biasiswa Kerajaan hendaklah terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Penganugerahan Biasiswa Kerajaan adalah tertakluk kepada kelayakan dan sokongan pihak KUPU SB.
3. Memperoleh sekurang-kurangnya Kepujian (*Credit*) Bahasa Melayu dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat 'O' atau yang setara dengannya.
4. Kelayakan pemohon melalui kelulusan Brunei - Cambridge GCE peringkat 'A' hendaklah diperoleh dengan menduduki peperiksaan tidak melebihi daripada dua (2) kali berturut-turut.
5. Pemohon yang berjaya hendaklah lulus tapisan keselamatan yang dikehendaki oleh KUPU SB.

PEMOHON MATANG (Matured Applicants)

Jawatankuasa Kemasukan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan boleh mempertimbangkan permohonan mengikut Program Sarjana Perguruan Ugama atau Sarjana Muda Perguruan Ugama sebagai pemohon matang tertakluk pada syarat-syarat berikut :

1. Program Sarjana Perguruan Ugama :

- 1.1. Mempunyai pengalaman bekerja dengan kerajaan atau swasta dalam bidang yang bersesuaian tidak kurang daripada **lima (5) tahun**.
- 1.2. Memperoleh Ijazah Sarjana Muda ATAU yang setara dengannya.
- 1.3. Lulus dalam ujian kelayakan (jika perlu),

2. Program Sarjana Muda Perguruan Ugama :

- 2.1. Mempunyai pengalaman mengajar tidak kurang daripada **lima (5) tahun**.
- 2.2. Lulus sekurang-kurangnya satu mata pelajaran ugama dalam Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB) dan memperoleh Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB) dengan mendapat sekurang-kurangnya pangkat **Jayyid; ATAU**
- 2.3. Lulus sekurang-kurangnya satu mata pelajaran sama ada Syariah atau Usuluddin dalam Brunei-Cambridge GCE peringkat 'A' yang sebanding dengannya; **ATAU**
- 2.4. Memperoleh sekurang-kurangnya kepujian empat (4) mata pelajaran dalam Brunei - Cambridge GCE peringkat 'O' termasuk Pengetahuan Ugama Islam dan bahasa Melayu.
- 2.5. Lulus Sijil Latihan Perguruan Ugama atau yang sebanding dengannya dari institusi-institusi pendidikan yang diiktiraf oleh kerajaan.
- 2.6. Lulus dalam ujian kelayakan.

TATACARA PERMOHONAN

1. SEMUA permohonan adalah melalui atas talian (*online*) yang dibukakan bermula pada **Khamis, 15 Jamadilawal 1439H bersamaan 1 Februari 2018M**. Borang boleh didapati pada laman sesawang KUPU SB di alamat www.kupu-sb.edu.bn. Borang juga boleh diakses melalui imbasan kod dan pautan di bawah.
2. Pemohon dikehendaki menghantar borang permohonan yang lengkap dan telah disahkan oleh pihak-pihak yang berkenaan bersama salinan-salinan pengenalan diri, sijil-sijil akademik dan dokumen lain yang berkaitan ke **Unit Kemasukan dan Rekod Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Akademik, KUPU SB** tidak lewat pada **Sabtu, 13 Rejab 1439H bersamaan 31 Mac 2018M**.

3. Borang permohonan daripada pegawai kerajaan dan swasta, hendaklah disahkan oleh ketua jabatan, kementerian atau majikan masing-masing.

4. Permohonan yang tidak lengkap, dihantar lewat atau mengandungi maklumat yang tidak tepat tidak akan dipertimbangkan.

PROGRAM DOKTOR FALSAFAH PERGURUAN UGAMA

PROGRAM PENGAJIAN

1. Doktor Falsafah Perguruan Ugama Usuluddin.
2. Doktor Falsafah Perguruan Ugama Syariah.
3. Doktor Falsafah Perguruan Ugama Pendidikan Islam.
4. Doktor Falsafah Perguruan Ugama Sejarah dan Tamadun Islam.
5. Doktor Falsafah Perguruan Ugama Sastera Islam.
6. Doktor Falsafah Perguruan Ugama Bahasa Arab.
7. Doktor Falsafah Perguruan Ugama Kajian Ahli Sunnah Waljamaah

SYARAT KEMASUKAN

1. Memperoleh ijazah Sarjana Perguruan Ugama dari KUPU SB. **atau**
2. Memperoleh ijazah Sarjana Pengajian Islam atau yang sebanding dengannya dari mana-mana Institut Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Senat KUPU SB. **atau**
3. Mempunyai kelayakan ikhtisas dari badan profesional yang diiktiraf. **atau**
4. Mempunyai kelayakan lain yang diiktiraf oleh Senat KUPU SB.

dan

5. Lulus dalam ujian kelayakan dan kesihatan.

TEMPOH PENGAJIAN

1. Sepenuh Masa :
Minimum tiga (3) tahun atau enam (6) semester biasa.
Maksimum empat (4) tahun atau lapan (8) semester biasa.

2. Separuh Masa :
Minimum tiga (3) tahun atau enam (6) semester biasa.
Maksimum enam (6) tahun atau 12 semester biasa.

3. Tempoh yang ditetapkan senat bagi keadaan dan syarat tertentu.

PROGRAM DIPLOMA PERGURUAN UGAMA LEPASAN IJAZAH

PROGRAM PENGAJIAN

1. Diploma Perguruan Ugama Lepas Ijazah.
2. Diploma Perguruan Ugama Lepas Ijazah (Pengajaran Bahasa Arab bagi Penutur Bukan Arab)

SYARAT KEMASUKAN

Memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam Pengajian Islam atau yang sebanding dari mana-mana Institusi Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Senat KUPU SB.

BAHASA PENGANTAR

Bahasa pengantar dalam program ini adalah bahasa Melayu. Sementara bahasa Arab dan Inggeris akan digunakan bagi mata kursus yang relevan.

TEMPOH PENGAJIAN

1. Sepenuh masa :
Satu (1) tahun / Dua (2) Semester
2. Tempoh yang ditetapkan senat bagi keadaan dan syarat tertentu.

PROGRAM SARJANA PERGURUAN UGAMA

PROGRAM PENGAJIAN

1. Sarjana Perguruan Ugama Usuluddin
2. Sarjana Perguruan Ugama Syariah
3. Sarjana Perguruan Ugama Pendidikan Islam
4. Sarjana Perguruan Ugama Sejarah dan Tamadun Islam
5. Sarjana Perguruan Ugama Sastera Islam
6. Sarjana Perguruan Ugama Bahasa Arab
7. Sarjana Perguruan Ugama Kajian Ahli Sunnah Waljamaah

SYARAT KEMASUKAN

1. Memperoleh Ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama dari KUPU SB dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 3.00 atau mana-mana Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam dengan mendapat sekurang-kurangnya pangkat Jayyid atau yang sebanding dengannya dari mana-mana Institusi Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Senat KUPU SB.

Bagi mod Tesis Penuh, pemohon hendaklah memperoleh ijazah Sarjana Muda Perguruan Ugama dari KUPU SB atau Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam yang diiktiraf oleh

Senat KUPU SB dengan PNGK 3.50 atau pangkat Jayyid Jiddan ke atas.

Dan

2. Lulus dalam ujian kelayakan dan kesihatan.

TEMPOH PENGAJIAN

1. Sepenuh Masa :
Minimum satu setengah (1½) tahun atau tiga (3) semester biasa.
Maksimum dua (2) tahun atau empat (4) semester biasa.

2. Separuh Masa :
Minimum satu setengah (1½) tahun atau tiga (3) semester biasa.
Maksimum empat (4) tahun atau lapan (8) semester biasa.

3. Tempoh yang ditetapkan senat bagi keadaan dan syarat tertentu.

BAHASA PENGANTAR

Bahasa pengantar kursus-kursus dalam program ini adalah bahasa Melayu. Dalam penyiapan projek, disertasi atau tesis, calon boleh memilih sama ada bahasa Melayu, bahasa Arab atau bahasa Inggeris dalam penulisan.

PROGRAM DIPLOMA TERTINGGI PERGURUAN UGAMA

SYARAT KEMASUKAN

- a. Memperoleh Diploma Perguruan Ugama dari KUPU SB atau yang sebanding dengannya. **ATAU**

- b. Pemegang Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB) boleh dipertimbangkan tertakluk kepada penilaian Jawatankuasa Kemasukan dan pengesanan senat KUPU SB. **ATAU**

- c. Lulus sekurang-kurangnya satu (1) mata pelajaran sama ada Usuluddin atau Syariah dalam Brunei - Cambridge GCE 'A' atau yang sebanding dengannya, dan lulus dalam Peperiksaan Sijil Sekolah Rendah Ugama Brunei Darjah VI atau mana-mana sijil yang sebanding dengannya.

- d. Calon dikehendaki :
i. Boleh membaca al-Qur'an dengan baik.
ii. Boleh membaca dan menulis jawi dengan baik
iii. Lulus dalam ujian kelayakan dan kesihatan

TEMPOH PENGAJIAN

Tempoh pengajian biasa adalah tiga (3) tahun atau enam (6) semester.
Senat boleh mempertimbangkan tempoh minimum dan maksimum pengajian mengikut kesesuaian.

BAHASA PENGANTAR

Bahasa pengantar dalam program ini adalah bahasa Melayu. Sementara bahasa Arab akan digunakan bagi mata kursus bahasa Arab dan bahasa Inggeris bagi mata kursus bahasa Inggeris.

PROGRAM SARJANA MUDA PERGURUAN UGAMA

PROGRAM PENGAJIAN

1. Sarjana Muda Perguruan Ugama Pendidikan Islam
2. Sarjana Muda Perguruan Ugama Pendidikan Bahasa Arab

MINOR

- Pengajian al-Quran dan al-Sunnah
- Falsafah dan Pemikiran Islam
- Dakwah dan Kepimpinan
- Fiqh dan Usul Fiqh
- Ahwal Syakhshiyah
- Kewangan Islam
- Pendidikan Awal Kanak-kanak
- Bimbingan dan Kaunseling Islam
- Pendidikan Khas
- Multimedia Pendidikan Islam
- Pendidikan Sains Kemasyarakatan Islam
- Pendidikan Kesihatan Islam
- Pendidikan Seni Islam
- Pendidikan Melayu Islam Beraja
- Keusahawanan dalam Pendidikan Islam

SYARAT KEMASUKAN

- a. Mempunyai Diploma Tertinggi Perguruan Ugama dari KUPU SB atau yang sebanding dengannya. **ATAU**

- b. Lulus dalam Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB).

* Pemohon Sarjana Muda Perguruan Ugama Pendidikan Bahasa Arab hendaklah mendapat sekurang-kurangnya pangkat JAYYID dalam Lughah Arabiyyah dan Qawaid Arabiyyah

atau yang sebanding dengannya) **ATAU**

- c. Lulus sekurang-kurangnya dua (2) mata pelajaran dengan memperoleh sekurang-kurangnya pangkat 'C' termasuk salah satu daripadanya Usuluddin atau Syariah dalam Brunei - Cambridge GCE peringkat 'A' atau yang sebanding dengannya dan lulus dalam Peperiksaan Sijil Sekolah Rendah Ugama Brunei Darjah VI atau mana-mana sijil yang sebanding dengannya.

- d. Calon dikehendaki :
i. Boleh membaca Al-Quran dengan baik
ii. Boleh membaca dan menulis jawi dengan baik
iii. Lulus dalam ujian kelayakan dan kesihatan.

TEMPOH PENGAJIAN

- a. Tempoh pengajian biasa adalah empat (4) tahun atau lapan (8) semester.

- b. Senat boleh mempertimbangkan tempoh minimum dan maksimum pengajian mengikut kesesuaian.

BAHASA PENGANTAR

a. Bahasa pengantar adalah dalam bahasa Melayu. Sementara bahasa Arab akan digunakan bagi kursus bahasa Arab dan bahasa Inggeris bagi kursus bahasa Inggeris.

- b. Bagi Program Sarjana Muda Perguruan Ugama Pendidikan Bahasa Arab, bahasa pengantar bagi kursus-kursus pengajian Islam adalah dalam bahasa Arab.

PROGRAM DIPLOMA

PROGRAM PENGAJIAN

1. Diploma Pengajian Seni Al-Quran
2. Diploma Pengajian Kitab Turath
3. Diploma Pengajian Tauhid*
4. Diploma Pengajian Tafsir dan Hadith*
5. Diploma Pengajian Fiqh*
6. Diploma Pengajian Fiqh dan Usul Fiqh*
7. Diploma Pengurusan dan Pentadbiran Sekolah*

SYARAT KEMASUKAN

- a. Memperoleh Sijil Latihan Perguruan Ugama atau sebanding dengannya.

- b. Atau mana-mana kelayakan yang diiktiraf oleh Senat KUPU SB.

- c. Lulus dalam ujian kelayakan.

* Pemohon hendaklah berkhidmat sebagai Guru Ugama tidak kurang dari tiga (3) tahun.

BAHASA PENGANTAR

Bahasa Melayu

TEMPOH PENGAJIAN

Sepenuh masa : 1 Tahun (2 semester)

Bagi sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut sila hubungi :

**UNIT KEMASUKAN
DAN REKOD PELAJAR
BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK
KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN
UGAMA SERI BEGAWAN
KM 2, JALAN RAJA ISTERI
PENGIRAN ANAK SALEHA
BANDAR SERI BEGAWAN, BA2111
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Telefon : **+673 2236277 / +673 8214494**
Faksimile : **+673 2252226**
www.kupu-sb.edu.bn

Untuk mengisi borang permohonan sila imbas kod atau layari <https://tinyurl.com/ApplyKUPUSB2018>





KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

KENYATAAN TAWARAN

BILANGAN TAWARAN :
72 / JAN / 2018 / KKBS / PJK / 32.05 / TDR

TAJUK TAWARAN :
TERM CONTRACT SERVICING AND MAINTENANCE INCLUDING REPAIR AND REPLACEMENT OF PARTS, AND UPGRADING CONTROL SYSTEM FOR HIGH MAST FLOODLIGHTING (4 NOS) AND OTHER RELATED FACILITIES TO STADIUM NEGARA HASSANAL BOLKIAH FOR PERIOD OF TWELVE (12) MONTHS

TAWARAN dibukakan kepada syarikat-syarikat / pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Kelas **E01, E02, E03, E05**.

Syarikat-syarikat yang dimiliki oleh kakitangan kerajaan dan seumpamanya

tidak akan dilayan dan tidak sah untuk dinilai.

Dokumen tawaran boleh diperoleh dari **Unit Kewangan, Tingkat 1, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam** semasa hari / waktu bekerja.

Penerangan lanjut boleh dirujuk kepada Pegawai Penyelia Kerja dari Unit Pengurusan Estet, Tingkat Bawah (Ground Level), Unit Pengurusan Estet, Zone 2, Kompleks Sukan Tennis, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Negara Brunei Darussalam.

Yuran tawaran adalah **BND30.00** sahaja bagi setiap tawaran dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang sah (*bona-fide-tender*)

Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan bilangan dan tajuk tawaran serta tarikh tutup tawaran tanpa menyatakan nama penender / syarikat

dengan dialamatkan kepada **Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, BS8110, Negara Brunei Darussalam. Peti Tawaran (BERWARNA BIRU)**

Tawaran yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang disediakan di :

Tingkat 1
Ruang Masuk / Penyambut Tetamu (depan kaunter sekuriti)
Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Simpang 336-17
Jalan Kebangsaan, BS8110
Negara Brunei Darussalam.

Peti Tawaran (BERWARNA BIRU)

Tarikh tutup pada 27 Februari 2018
Jam 2.00 Petang (Selasa)

Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran adalah pada **Rabu, 21 Februari 2018.**

Tawaran-tawaran mestilah dihantar

dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

Sebelum dokumen tawaran dikeluarkan, setiap syarikat dikehendaki membawa dan menghadapkan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan (Business Enactment Section 16 & 17) dan dikehendaki membayar yuran tawaran dengan kadar yang telah ditetapkan.

Setiap borang Tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah menyertakan salinan sijil pendaftaran (seperti kenyataan para 11) dan salinan resit pembayaran yuran tawaran (seperti kenyataan para 5).

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

Syarikat yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara, rujukan LTN / 4 (39 / 1997).

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

(1)
DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM KELAS :
'MOD APPROVED LIFT
CONTRACTOR' SAHAJA
KATEGORI :
[5k SAHAJA] - (KOD LAMA)
[KPME02 SAHAJA] - (KOD BAHARU)

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :**
20 FEBRUARI 2018 (SELASA)

TARIKH TUTUP PADA :
6 MAC 2018 (SELASA)
TIDAK LEWAT DARI JAM :
2.00 PETANG

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DME / 09 / BPB / 2018
NAMA PROJEK :
MAINTENANCE OF 'SIGMA'
LIFTS AT HIGH COURT
BUILDINGS, BANDAR SERI
BEGAWAN FOR A PERIOD OF

THIRTY-SIX (36) MONTHS
YURAN TAWARAN : BND10.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

(2)
DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM KELAS :
'MOD APPROVED LIFT
CONTRACTOR' SAHAJA
KATEGORI :
[5k SAHAJA] - (KOD LAMA)
[KPME02 SAHAJA] - (KOD BAHARU)

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :**
20 FEBRUARI 2018 (SELASA)

TARIKH TUTUP PADA :
6 MAC 2018 (SELASA)
TIDAK LEWAT DARI JAM :
2.00 PETANG

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DME / 10 / BPB / 2018

NAMA PROJEK :
MAINTENANCE OF 'OTIS' LIFTS
IN GOVERNMENT BUILDINGS,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
FOR A PERIOD OF THIRTY-SIX
(36) MONTHS

YURAN TAWARAN : BND50.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

(3)
DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM KELAS :
IV, V, VI SAHAJA
KATEGORI :
KA01 SAHAJA - KOD BAHARU

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :**
13 FEBRUARI 2018 (SELASA)

TARIKH TUTUP PADA :
27 FEBRUARI 2018 (SELASA)
TIDAK LEWAT DARI JAM :
2.00 PETANG

BILANGAN TAWARAN :
JKR / DTS / 01 / BKT / 2018 - T / V
NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH

TANAH SUSUR DI ALAMAT
NO. 3, SPG 74 - 59 - 108 - 37 - 6 -
11 - 56, KG. KATOK B
NO. PROJEK :
(524 / 17) JKR / BKT - KB /
BM1189

YURAN TAWARAN : BND500.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

Syarat-Syarat Tawaran :
TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain dari alamat yang dinyatakan dalam iklan atau dokumen tawaran. Dokumen-dokumen tawaran dan syarat-syarat boleh dilihat dan diperoleh dari **Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf ("JKR/DBSKB ...") boleh dilihat dan diperoleh dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.



UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

Tajuk Tawaran :

1) UNISSA / SB00032 / 2017 / 2018
**TO REPLACE, SUPPLY AND
INSTALL NEW SPLIT UNITS
AIR-CONDITIONING SYSTEM
FOR UNIVERSITI ISLAM SULTAN
SHARIF ALI (UNISSA)**

2) UNISSA / SB00034 / 2017 / 2018
**PERKHIDMATAN BURUH
SELAMA SATU (1) TAHUN BAGI
UNIVERSITI ISLAM SULTAN
SHARIF ALI (UNISSA)**

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal tempatan yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Dokumen tawaran boleh diperoleh :

BAHAGIAN KEWANGAN
TINGKAT 1
BANGUNAN PENTADBIRAN
DAN KEWANGAN
SIMPANG 347
JALAN PASAR BAHARU
GADONG, BE1310
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Nota : Dokumen tawaran akan mengandungi borang sebut harga, spesifikasi dan / atau syarat-syarat tawaran dan juga borang pengakuan integriti penender.

3. Pada waktu-waktu seperti berikut :
Isnin hingga Khamis
8.30 Pagi hingga 11.00 Pagi
2.00 Petang hingga 3.00 Petang
Sabtu

8.30 Pagi hingga 10.00 Pagi

4. Yuran tawaran adalah **BND10.00** sahaja dan tidak akan dikembalikan kepada setiap syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang sah.

5. Tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan dan dialamatkan kepada :

PETI TAWARAN
PENGERUSI SEBUT HARGA
UNIVERSITI ISLAM SULTAN
SHARIF ALI
SIMPANG 347
JALAN PASAR BAHARU
GADONG, BE1310
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

6. Tawaran hendaklah disimpan di dalam sampul surat tertutup rapi.

Di sampul surat berkenaan hendaklah ditulis di sebelah kiri atas tanpa menyatakan sebarang nama atau logo syarikat.

7. Tawaran hendaklah dikembalikan tidak lewat **Rabu, 28 Februari 2018, jam 2.00 Petang**. Tawaran yang lewat dihantar tidak akan diterima.

8. Sijil pendaftaran syarikat / Nama-nama Perniagaan (Form 16 & 17 / Form X) hendaklah disertakan bersama tawaran.

9. Sijil Pengiktirafan dari Kementerian Pembangunan, AITI dan yang berkenaan bagi kerja-kerja yang berkaitan.

10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau sebarang tawaran.

Kementerian Pendidikan hulur derma ringankan beban



PEMANGKU Ketua Pengarah Pendidikan, Dayang Hajah Anis Faudzulani binti Haji Dzulkiflee menyempurnakan penyampaian sumbangan Kementerian Pendidikan kepada para pelajar yang ditimpa musibah (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Februari. - Bagi meringankan beban yang ditanggung oleh mereka yang ditimpa musibah, seramai 45 pelajar dan seorang guru telah menerima sumbangan derma berupa wang ringgit hasil kutipan derma dari jabatan-jabatan, bahagian-bahagian dan unit di Kementerian Pendidikan dan juga dari sekolah-sekolah rendah, menengah, maktab-maktab serta

pusat-pusat tingkatan enam kerajaan di seluruh daerah di bawah kawalan Kementerian Pendidikan.

Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Pentadbiran, Jabatan Sekolah-Sekolah selaku pengendali telah mengadakan Majlis Penyampaian Derma Kementerian Pendidikan kepada guru dan pelajar-pelajar yang menjadi mangsa kebakaran rumah di Kampung Mentiri, Kampung

Lumapas, Kampung Limau Manis, Kampung Perpindahan Lambak Kanan, Kampung Saba Laut, Kampung Bakut Siraja Muda 'A', STKRJ Kampung Sungai Buloh, Kampung Tanah Jambu, Flat F6 di Penanjong Kem, Berek Jalan Pelumpong Pantai Muara, Kampung Bebatik Kulapis dan Kampung Sumbiling Lama termasuk mangsa rumah roboh di Kampung Sungai Matan dan juga kepada keluarga pelajar mangsa lemas.

Majlis diadakan di Dewan Persidangan P1, Bangunan Kementerian Pendidikan, Berakas.

Penyampaian sumbangan kepada guru dan para pelajar berkenaan disempurnakan oleh Pemangku Ketua Pengarah Pendidikan, Dayang Hajah Anis Faudzulani binti Haji Dzulkiflee hadir selaku tetamu kehormat.

Majlis juga diselenggarakan dengan penyampaian sumbangan derma kepada ahli keluarga dua orang mantan pelajar Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Serasa yang telah menjadi mangsa lemas di Pantai Meragang pada 7 Januari lalu.

Terlebih dahulu, dalam ucapan Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan (Korporat) di Jabatan Sekolah-Sekolah, Awang Haji Ismail bin Haji Zainal, selaku Pengerusi Majlis dalam ucapannya antara lain menyatakan, sejumlah

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BND12,880 yang berjaya dikutip hasil sumbangan daripada seluruh warga Kementerian Pendidikan yang mana sumbangan derma yang dihulurkan adalah sebagai tanda rasa pemedulian dan prihatin Kementerian Pendidikan terhadap musibah yang telah menimpa guru dan pelajar-pelajar berkenaan.

Turut hadir, Pemangku Pengarah Sekolah-Sekolah, Dayang Marina Chek binti Bujang; ketua-ketua bahagian dan unit di Jabatan Sekolah-Sekolah, jemputan-jemputan khas, pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan, pemimpin-pemimpin sekolah serta ibu bapa dan penjaga pelajar-pelajar yang terlibat.



WI hadiri Persidangan ACWW Ke-12 di Republik Indonesia



ROMBONGAN Ahli-ahli Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) berlepas ke Republik Indonesia bagi menghadiri Persidangan Persatuan Wanita Desa Sedunia (Associated Country Women of the World - ACWW) Ke-12 bagi kawasan Asia Tenggara dan Timur Jauh.

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Februari. - Rombongan seramai 15 ahli Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) berlepas ke Republik Indonesia bagi menghadiri Persidangan Persatuan Wanita Desa Sedunia (Associated Country Women of the World - ACWW) Ke-12 bagi kawasan Asia Tenggara dan Timur Jauh.

Mengetuai rombongan ialah Setiausaha Kehormat WI, Dayang Hajah Shamsiah binti Abdul Latif.

Persidangan ACWW Ke-12 kali

ini membawa tema '90 Years For Women's Right'.

ACWW merupakan organisasi terbesar di dunia yang diwakili oleh wanita dari kawasan bandar dan luar bandar.

Berada dilapangan terbang bagi mengucapkan selamat belayar kepada rombongan ialah Yang Di-Pertua WI, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd.Ali.

Pupuk rasa cinta pelajar terhadap negara

Siaran Akhbar dan Foto :
IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Februari. - Dua rangkaian Sekolah IBTE mengadakan Upacara Menaikkan Bendera Kebangsaan di kesemua Kampus IBTE bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34.

Majlis tersebut dipimpin oleh kedua-dua Pengetua IBTE di lokasi masing-masing. Di Kampus IBTE Pusat, majlis diketuai oleh Pengetua IBTE Pusat, Dr. Sheikh Lukman bin Sheikh Abd. Hamid manakala di Kampus IBTE Satelit diketuai oleh Pengetua IBTE berkenaan, Norjemee bin Jenek.

Majlis dimulakan dengan bacaan doa, diikuti dengan menaikkan Bendera Negara Brunei Darussalam diiringi dengan nyanyian lagu kebangsaan beramai-ramai.

Seramai 853 kakitangan IBTE dan 3,450 pelajar IBTE mengambil bahagian dalam Upacara Menaikkan Bendera yang berlangsung di kesemua tujuh lokasi IBTE di negara ini.

Upacara tersebut bertujuan untuk memupuk semangat patriotisme dan cinta kepada negara dalam masyarakat, terutama para pelajar sebagai aset masa depan negara.



SALAH sebuah rangkaian Sekolah IBTE mengadakan Upacara Menaikkan Bendera Kebangsaan bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34.



MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertakwa serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Alhamdulillah, pada hari ini kita menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-34. Oleh itu, sebagai rakyat dan penduduk negara ini, kita mestilah bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana telah mengurniakan nikmat kemakmuran, keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran di bumi Brunei Darussalam yang tercinta ini. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 152 :

Tafsirnya :
"Maka ingatlah kamu kepada-Ku (dengan melakukan sembahyang, berzikir dan lain-lain perbuatan taat) nescaya Aku akan mengingati kamu dan bersyukurlah kepada-Ku dengan taat mengerjakan suruhan-Ku dan janganlah kamu mengingkari-Ku dengan berbuat derhaka dan maksiat."

Menurut Islam kemerdekaan adalah apabila seseorang, sesuatu bangsa atau umat mendapat kebebasan daripada sebarang bentuk penjajahan, baik penjajahan dari segala jasmani atau rohani. Ketahuilah, kemerdekaan adalah nikmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala kepada sesebuah negara kerana tidak semua manusia mendapat kurnia untuk menjadi bangsa yang merdeka.

Mensyukuri nikmat kemerdekaan

Ada yang terus menerus berjuang untuk mencapainya. Ada yang sudah mencapainya tetapi tidak dapat mempertahankannya. Ada yang tetap dengan kemerdekaan tetapi tidak dapat menjadikan aspirasi kemerdekaan itu suatu kenyataan yang menguntungkan bangsa dan tanah airnya.

Sesungguhnya nikmat kemerdekaan, keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran Negara Brunei Darussalam ini tidak datang dengan sendirinya bahkan ia adalah berkat daripada Allah Subhanahu Wata'ala kerana kita :

Pertama : Telah menegakkan agama Allah di bumi Darussalam dengan meletakkan agama Islam di tempat yang teratas, manakala segala amalan yang bertentangan dengan akidah Islam dibanters, begitu juga setiap perbuatan yang berlawanan dengan syariat Islam dibetulkan dan segala kelakuan yang menyalahi akhlak Islam dihindarkan. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Muhammad, ayat 7 :

Tafsirnya :
"Wahai orang yang beriman, jika kamu menolong (membela agama) Allah, nescaya Dia akan menolong kamu mencapai kemenangan dan meneguhkan pendirian kamu."

Kedua : Kerana kita beriman dan bertakwa juga mengundang keberkatan Allah Subhanahu Wata'ala sehingga membawa kebaikan kepada Negara Brunei Darussalam dan isi di dalamnya. Ini adalah berkat kepimpinan raja yang adil dan berpegang teguh kepada agama Islam sehingga ajaran Islam itu subur dalam jiwa dan mampu mengubah cara hidup rakyat dan penduduknya. Tanggungjawab yang dipikul oleh pemerintah dalam melaksanakan keadilan adalah perkara yang amat berat akan tetapi sekiranya keadilan ini berjaya ditunaikan maka ganjarannya adalah amat besar, iaitu mendapat perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala pada hari kiamat kelak. Sebagaimana hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari :

Maksudnya :
"Daripada Abu Hurairah Radiallahu-anhu, daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Ada tujuh golongan orang yang akan mendapat perlindungan Allah (pada Hari Kiamat) di mana pada hari itu tidak ada perlindungan selain perlindungan-Nya. Salah satu dari ketujuh orang tersebut adalah pemimpin yang adil."

Alhamdulillah, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, sejak Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan

pada tahun 1984, kehidupan kita selepas merdeka telah jauh berubah jika dibandingkan dengan keadaan sebelumnya. Adapun perubahan besar yang dapat dirasa adalah peningkatan taraf hidup yang lebih baik (Hayatun Thayyibah) antaranya :

Pertama : Menikmati keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal melalui khidmat subsidi dan bantuan.

Kedua : Menikmati bekalan air bersih, tenaga elektrik, kemudahan jalan raya dan seumpamanya.

Ketiga : Menikmati suasana alam sekitar yang bersih dan terpelihara melalui perkhidmatan kebersihan dan penjagaan yang khusus.

Keempat : Menikmati perkhidmatan kesihatan dan perubahan secara percuma.

Kelima : Menikmati perkhidmatan pendidikan kebangsaan termasuk pendidikan agama secara percuma dan bermacam-macam lagi kemudahan yang telah disediakan.

Semua ini dapat dicapai kerana berkat kita berpegang teguh kepada ajaran agama Islam, iaitu dengan mengerjakan apa yang disuruh-Nya dan meninggalkan apa yang dilarang-Nya serta sentiasa bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas nikmat yang telah dikurniakan. Inilah cara dan amalan hidup kita yang sentiasa mendahulukan Allah Subhanahu Wata'ala dalam segala urusan terutamanya dalam pentadbiran negara sehingga raja yang adil mendapat berkat, rakyat yang taat mendapat rahmat dan negara yang aman, kekal selamat dan berdaulat. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Maryam, ayat 76 :

Tafsirnya :
"Dan Allah akan menambah hidayah kepada orang-orang yang mendapat petunjuk, dan amalan-amalan soleh yang kekal itu lebih baik pahalanya di sisi Tuhanmu dan lebih baik kesudahannya."

Sebagaimana yang kita ketahui, tema Sambutan Hari Kebangsaan pada tahun ini adalah 'Menjayakan Wawasan Negara'. Sesungguhnya Wawasan Negara 2035 adalah gagasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Pandangan baginda yang jauh ke hadapan memastikan Negara Brunei Darussalam menjadi sebuah negara yang mempunyai rayat yang berpendidikan, berkemahiran dan berjaya, kehidupan yang berkualiti dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan. Ke arah mencapai wawasan tersebut, kita perlu bersatu untuk taat setia kepada raja dan negara, yakin kepada

nilai-nilai agama, mengamalkan nilai-nilai mulia dan sifat berbaik-baik sesama bangsa, agama dan negara.

Justeru, dalam memastikan Wawasan Brunei 2035 dapat dicapai dengan jayanya, setiap rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam perlu mengambil peranan dan menjadikan diri mereka sebagai aset yang berguna dalam pembangunan negara. Antara peranan tersebut adalah dengan melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran, menyediakan diri dalam pembangunan negara, serta meningkatkan daya saing, berinovatif, kreatif, membangun ekonomi, politik, sosiobudaya, keselamatan dan sebagainya.

Sesungguhnya untuk mencapai kejayaan dan *survival* bangsa dan negara, rakyat dan penduduk di negara ini perlu bersatu padu sama ada sektor kerajaan mahupun swasta bersama-sama meningkatkan usaha dalam pembangunan negara bagi mencapai matlamat Wawasan 2035, baik dalam sumber manusia, sumber ilmu dan sistem pentadbiran, semua adalah berperanan bagi mengisi agenda pembangunan tersebut.

Mudah-mudahan dengan usaha yang demikian negara kita tetap kekal menjadi sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat, negara zikir dan menjadi 'Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghaffur', iaitu negara yang aman makmur dan Tuhan Yang Maha Pengampun. Oleh itu, demi mempertahankan nikmat kemerdekaan negara yang tercinta ini, marilah kita sama-sama mensyukuri nikmat tersebut dengan banyak berzikir mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Sama-samalah kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa melindungi negara dan penduduk Brunei Darussalam agar sentiasa selamat dan terpelihara dari sebarang bala-bala bencana serta dikurniakan rahmat dan nikmat kesejahteraan dan kemakmuran yang berkekalan. Aamiin Ya Rabbal Alamin.

Surah Al-Araaf, ayat 41 - 43 :

Tafsirnya :
"Wahai orang-orang yang beriman! Berzikirlah mengingati Allah dengan zikir yang sebanyak-banyaknya. Dan bertasbihlah kepada-Nya pada waktu pagi dan petang. Dialah yang mengurniakan rahmat kepada kamu dan malaikat-malaikat pula berdoa memohonkan ampun bagi kamu untuk mengeluarkan kamu dari kegelapan-kegelapan (kufur) kepada cahaya (Iman) dan Dia adalah Maha Pengasih kepada orang-orang yang beriman."

Dua peserta PROPAZ bakal jalani latihan kemahiran di IKB, MAIWP

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Februari. - Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) melalui Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ), Jabatan Majlis Ugama Islam memilih dua orang daripada peserta PROPAZ untuk mengikuti latihan kemahiran di Institut Kemahiran Baitulmal (IKB), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

Awang Muhd. Nur Hazwan Syafiee bin Razimi, berumur 21 tahun yang akan mengikuti Kursus Teknologi Binaan Bangunan dan Awang Mohd. Zulhilmi bin Ajak, berumur 25 tahun yang akan mengikuti Kursus Perkhidmatan dan Penyajian Makanan.

Majlis Doa Selamat dan penandatanganan dokumen perjanjian di antara pihak PROPAZ dan dua peserta berkenaan diadakan di Dewan

Teratai, Tingkat 5, Kementerian Hal Ehwal Ugama, di sini.

Hadir bagi menyaksikan penandatanganan tersebut ialah Pemangku Setiausaha MUIB, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Akop.

Penghantaran kedua-duanya adalah hasil daripada Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan (SOMS) Ke-42 bagi Pertemuan Tahunan Tidak Rasmi Menteri-Menteri Agama Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura (MABIMS) pada 25 hingga 28 Oktober 2017 di Yogyakarta, Indonesia yang membincangkan Bidang Kerjasama, antaranya Meningkatkan Taraf Hidup Umat Islam yang Memerlukan.

Susulan daripada kesepakatan tersebut, Kerajaan Malaysia melalui IKB, MAIWP

menawarkan peluang kepada asnaf yang berkelayakan dari Negara Brunei Darussalam untuk mengikuti latihan kemahiran tersebut.

Tempoh latihan kemahiran selama 12 bulan sepenuh masa bermula dari 8.00 pagi hingga 5.00 petang (Isnin hingga Jumaat).

Latihan kemahiran tersebut akan dibiayai oleh pihak negara penganjur, antaranya kos latihan, pengangkutan darat, tempat tinggal, makan minum, elaun bulanan, manakala perbelanjaan penghantaran, persediaan sebelum berlepas dan mana-mana yang berkaitan bagi kebajikan dan keperluan dua peserta dari negara ini juga disediakan dan dibiayai dari agihan Kumpulan Wang Zakat, Asnaf Fakir dan Miskin.

MUIB melalui PROPAZ akan sentiasa berusaha mencari peluang untuk mempertingkatkan pelbagai kemahiran kepada para asnaf yang berkelayakan serta mempunyai kemahuan dan cita-cita untuk berusaha dalam membantu diri



PEMANGKU Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Haji Abdul Aziz bin Haji Akop (kiri) menyampaikan penandatanganan dokumen perjanjian di antara pihak Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ) kepada salah seorang peserta yang mengikuti latihan kemahiran di Institut Kemahiran Baitulmal (IKB), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), iaitu Awang Muhd. Nur Hazwan Syafiee bin Razimi yang akan mengikuti Kursus Teknologi Binaan Bangunan.

mereka sendiri serta keluarga dalam usaha untuk keluar dari kepompong kemiskinan juga kesusahan hidup dan setakat ini,

usaha-usaha yang dilaksanakan oleh program tersebut menghasilkan beberapa kejayaan sebagaimana yang diharapkan.

Usahawan Kampung Putat martabatkan warisan seni ukiran kayu

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman



DALAM menghasilkan satu-satu kraf tangan atau pertukangan hiasan ia memerlukan bakat juga kepakaran yang khusus.

Seperti yang kita sedia maklum pada kebiasaannya pertukangan tangan lebih banyak dilakukan oleh warga emas atau orang-orang tua yang tidak mempunyai apa-apa pekerjaan atau sudah bersara dan kini zaman sekarang pertukangan tangan yang dihasilkan daripada bahan alami kian berkurangan dipraktikkan terutamanya dalam kalangan belia.

"Sebenarnya melibatkan diri dalam perusahaan tangan atau kraf tangan sememangnya banyak mendatangkan hasil dan manfaat terutama sekali jika ia disasarkan kepada anak-anak remaja atau belia kerana ia mampu untuk mengisi masa terluang mereka dan menghindarkan diri mereka daripada terlibat dengan perkara-perkara yang tidak diingini.

Kerana itu, saya lebih menegaskan anak-anak saya untuk lebih

mempraktikkan diri mereka di dalam pembuatan kraf tangan yang diperbuat daripada kayu-kayuan yang ada di hutan negara kita sebagai mengisi masa lapang, sekali gus dapat dijadikan pendapatan sampingan mereka," jelas Awang Haji Junggal bin Haji Jumat.

Jelas Awang Haji Junggal salah seorang pengusaha dari Majlis Perundingan Kampung Putat yang memiliki 18 anak selanjutnya menjelaskan, yang mana selain mengajar mereka cara-cara bertukang dan membentuk satu-satu hiasan yang diperbuat daripada kayu, mereka ini juga diajar dalam mengenali jenis kayu yang bersesuaian untuk dijadikan hiasan kerana tidak semua kayu tersebut bersesuaian untuk dijadikan hiasan.

Jika dulu ujar beliau, beliau sering membawa anak-anak memasuki hutan untuk memperkenalkan mereka mengenali jenis-jenis kayu dan tumbuh-tumbuhan yang berguna dan bersesuaian untuk dibuat menjadi sesuatu kraf tangan dan juga ubat-ubatan, tetapi memandangkan usia yang sudah meningkat aktiviti memasuki hutan tidak lagi dilakukan.

"Sejak di usia muda lagi saya sudah diperkenalkan dan didedahkan oleh orang tua saya mengenali pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan dan kayu-kayuan yang berguna dan boleh dimanfaatkan khasiat serta kebaikannya," tambahnya.

Menurutnya lagi, untuk mendapatkan jenis kayu yang diperlukan untuk membuat sudu, gegawi, parang dan sebagainya ada kalanya kayu-kayu berkenaan dibeli daripada orang yang memang pakar dan arif tentang jenis



AWANG Haji Junggal bin Haji Jumat memperkenalkan beberapa produk beliau semasa menerima pengunjung dari negara jiran.

kayu yang berkualiti dan kebanyakannya dibeli dari Daerah Temburong.

Sejak tahun 2004 melibatkan diri dalam dunia pembuatan kraf tangan seperti parang, sarung pamarang, sudu, gegawi, gasing hiasan dan sebagainya, kini Awang Haji Junggal sudah banyak menghasilkan kraf tangan-kraf tangan beliau sendiri dan dibantu oleh anak-anak beliau, malahan hasil kerja tangan beliau dan anak-anak juga sudah banyak terjual juga dibeli oleh orang tempatan serta para pelancong dari luar negara.

"Walaupun tidak mempunyai kedai khusus untuk menjual hasil tukang tangan kami anak-beranak hanya menjualnya dari rumah serta apabila mengikuti ekspo-ekspo yang dianjurkan di dalam negeri namun sambutan yang diberikan cukup menggalakkan dan sekali gus memberi semangat yang kuat untuk kami anak-beranak meneruskan legasi pembuatan kraf tangan kami ini, bahkan anak-anak saya sendiri kini kian berminat di dalam menghasilkan pertukangan tangan yang dipraktikkan setiap hari, memandangkan anak perempuan saya belum mempunyai mana-mana pekerjaan tetap jadi membuat pertukangan kraf tangan merupakan pekerjaan hariannya," ujar beliau.

"Seni ukir dan kraf tangan ini sangat bernilai dan kita seharusnya perlu memastikan warisan berzaman ini diwarisi

oleh generasi masa kini," katanya yang kini warisan kraf tangan dituruni oleh anak-anak beliau dalam membantu menghasilkan seni ukiran kayu yang ditempah mahupun untuk dijual.

Dalam menaikkan martabat dan warisan seni ukiran kayu daripada luput ditelan zaman, beliau juga turut menyarankan agar belia-belia di luar sana cuba untuk berjinak-jinak mempelajari seni kraf tangan ini sebagaimana beliau sendiri tidak pernah merasa puas memberikan galakan kepada generasi muda terutamanya kepada anak-anak beliau untuk turut serta menceburkan diri dalam seni ukiran kayu.

"Kini masyarakat kurang memberi penghargaan kepada seni ukiran kayu, malah mereka kurang menitikberatkan produk yang dihasilkan oleh anak tempatan.

Kebanyakan masyarakat tempatan kurang memberi perhatian terhadap produk tempatan terutama hasil ukiran kayu dengan mereka lebih terdorong untuk mendapatkan barangan kraf dari negara luar seperti Indonesia dan Thailand.

Sepatutnya, kita perlu menghargai produk kraf seperti ukiran kayu, yang mana ia menunjukkan identiti kita sebagai rakyat Brunei yang mempunyai nilai sentimental yang tersendiri," katanya mengakhiri temu bual bersama Pelita Brunei.



AWANG Haji Junggal dan salah seorang anak beliau yang juga berminat dalam perusahaan kraf tangan.



RANTAI kunci (keychain) pelbagai bentuk hasil buatan Awang Haji Junggal dan anak-anaknya.



سمبوتن اولغ تاهون هاري كبغسان نگارا بروني دارالسلام ك- ٣٤

**SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-34**



Menjayakan Wawasan Negara

**Di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin
8 Jamadilakhir 1439 / 24 Februari 2018**



Diterbitkan oleh
Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.



InfoDeptBN



Layari ePaper
Pelita Brunei



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn



Apa Pendapat Biskita?

Lakas Tah Minum Air Kosong

KEMPEN Lakas Tah Minum Air Kosong diharap akan memupuk dan menanamkan tabiat pelajar untuk berbekalkan air botol untuk diminum di sekolah. Justeru itu, pendedahan dan dorongan seperti itu secara tidak langsung akan mengubah tabiat mereka daripada meminum minuman yang mengandungi gula kepada minuman air kosong dan juga diharap jumlah pengambilan minuman yang mengandungi gula akan berkurangan.

Kempen tersebut amat penting bagi memupuk pelajar-pelajar untuk meminum air kosong dan mengurangkan pengambilan minuman yang mengandungi gula berlebihan seawal usia lagi.

Ini kerana status hasil dapatan Kaji Selidik Status Kesihatan dan Pemakanan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada tahun 2011 lalu mendapati sejumlah 34.6 peratus kanak-kanak berusia lima hingga 14 tahun meminum minuman tinggi gula setiap hari.

Oleh yang demikian, adalah tanggungjawab semua pihak termasuk ibu bapa dan pihak-pihak berkepentingan untuk menyarankan anak-anak meminum air kosong bagi melahirkan generasi yang sihat pada masa akan datang.

Ruang Apa Pendapat Biskita sempat mendapatkan beberapa pendapat orang ramai mengenai kempen tersebut.

"Mengamalkan minum air kosong sangatlah baik untuk kesihatan kerana tubuh manusia memerlukan bekalan air yang mencukupi demi menjaga kesihatan dan oleh itu kita disarankan minum air kosong tidak kurang lapan gelas dalam sehari.

Selain itu, minum air kosong juga boleh mengelakkan kita meminum pelbagai campuran kimia di dalam minuman selain air kosong.

Jika kita sejak kecil mengamalkan meminum air yang berwarna seperti yang berkarbonat dan mengandungi tinggi gula sudah tentunya menyebabkan obesiti atau kegemukan.

Di samping itu, jika amalan tersebut berterusan ia akan menyebabkan toksik dalam badan serta boleh menimbulkan bermacam-macam penyakit dan masalah kesihatan yang lain." - **Jagur Yza, Kampung Jangsak.**

"Lakas tah kitani minum air kosong sebab air kosong baik untuk kesihatan dalam badan kitani. Air kosong adalah sangat baik jua untuk orang-orang yang mengamalkan berdiet dan pencernaan dalam perut.

Sesiapa mengamalkan minum air kosong jua boleh menjadikan dirinya awet muda dan keceriaan pada wajah sendiri.

Air kosong selain harganya murah dan mudah diperoleh di mana-mana saja, boleh digunakan untuk minuman, memasak dan mencuci tangan kerana air kosong tidak mengandungi perisa dan pewarna.

Jika kitani menggunakan air yang berperisa dan berwarna kitani tidak dapat menggunakannya untuk cuci mulut atau tangan disebabkan ia mengandungi gula yang berlebihan." - **LaiHo, Berakas.**

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan

nama sebenar atau nama pena.

Sila e-mel pendapat biskita ke :

pelita.brunei@information.gov.bn

i. Penggunaan Bahasa Melayu Brunei.

ii. Permainan Tradisional Dalam Kalangan Generasi Baharu.

Sertai Perkhemahan Belia Sukan Olimpik Musim Sejuk di Pyeongchang



DUA ahli Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) menyertai Program Perkhemahan Belia sempena Sukan Olimpik Musim Sejuk di Pyeongchang, Korea Selatan.

Berita dan Foto :
Ihsan Haji Ismail Haji Mohamad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Februari. - Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) menghantar dua ahlinya untuk menyertai Program Perkhemahan Belia sempena Sukan Olimpik Musim Sejuk di Pyeongchang,

Korea Selatan.

Kontinjen tersebut telah berlepas hari ini menuju ke Korea Selatan.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi penyerahan bendera ialah Ketua Pesuruhjaya PPNBD, Awang Haji Badar bin Haji Ali.

Mengetuai kontinjen tersebut ialah Awang Muhammad Suhardi bin Alias sementara ahli pasukannya iaitu Awang Mohamad Nur Rahimi Afiq Hasyir bin Haji Awang Ismail yang masing-masing dari Sekolah Menengah Sultan Hassan, Temburong.

Perkhemahan yang akan berlangsung selama lima hari itu diadakan wilayah Gangwon, Korea Selatan.

Ceramah tingkatkan motivasi belia



ANTARA belia yang sama-sama hadir menyemarakkan Ceramah Agama sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-34, di Masjid Pehin Dato Imam Haji Abdul Mokti, Kampung Burung Pingai Ayer.

Berita dan Foto :
Ihsan Ahli Jawatankuasa Takmir
Masjid Pehin Dato Imam Haji Abdul Mokti

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu 21 Februari. - Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34, Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid Pehin Dato Imam (PDI) Haji Abdul Mokti, Kampung Burung Pingai Ayer mengadakan Ceramah Agama

selama tiga hari berturut-turut mulai 19 Februari dan berakhir 21 Februari.

Sepanjang ceramah selama tiga hari itu, pihak penganjur telah mengundang beberapa orang penceramah terdiri dari Pegawai Ugama Darussalam Holding, Awang Haji Adi Aismat bin Lamat; Dr. Phd. Dirasat

Islamiyyah, UBD, Awang Nazirul Mubin bin Ahad dan Penolong Pensyarah / Dekan Hal Ehwal Pelajar KUPU, SB, Awang Haji Md. Syahiran bin Haji Md. Sofian.

Majlis turut dihadiri oleh penduduk kampung dan sekitarnya serta para peserta Program Belia Cinta Tanah Air (PBCTA) kali Ke-13.

Ceramah bertujuan untuk meningkatkan motivasi belia, di samping persiapan untuk mengharungi cabaran masa kini.

Pesta Buku Brunei bermula 27 Februari

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Februari. - Pesta Buku Brunei (PBB) dan Karnival Memperkas Budaya Membaca (KMBM) akan diadakan selama 10 hari mulai 27 Februari hingga 8 Mac 2018, bertempat di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanul Bolkiah.

Perkara itu diumumkan oleh Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Dayang Hajah Sariani binti Haji Ishak, selaku Pengerusi PBB dan KMBM pada Sidang Media PBB dan KMBM yang bertempat di Balai Laila Mufakat, DBP.

Katanya, sebanyak 78 petak jualan disediakan yang disertai oleh DBP, penerbit buku kerajaan dan swasta, toko buku dari dalam dan luar negara selain penyertaan luar negara di bawah *flag* ASEAN dan ASEAN+3 sempena Bandar Raya Kebudayaan ASEAN.

Penyertaan ASEAN dan ASEAN+3 jelas beliau terdiri daripada penerbit buku yang buat



PEMANGKU Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Dayang Hajah Sariani binti Haji Ishak, selaku Pengerusi Pesta Buku Brunei (PBB) dan Karnival Memperkas Budaya Membaca (KMBM) semasa Sidang Media PBB dan KMBM yang bertempat di Balai Laila Mufakat, DBP.

julung kalinya atas inisiatif Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), di samping mempamerkan perihal kebudayaan, kesenian dan warisan tradisional negara ASEAN dan ASEAN+3 masing-masing dalam bentuk wahana penerbitan yakni buku, brosur, *pamphlet* atau risalah.

Dalam rangka Pelan Strategik Jawatankuasa Kebudayaan dan Informasi ASEAN, Pesta Buku itu adalah antara inisiatif dan komitmen bersama untuk mengangkat elemen kebudayaan

menerusi platform pendidikan khususnya dalam konteks penganjuran PBB dan KMBM.

PBB dan KMBM pada tahun ini bertemakan 'Buku Jendela Ilmu' menurut beliau, merupakan projek tahunan DBP, KKBS sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dan diserap dalam kalendar Pesta Buku Negara ASEAN.

Majlis Perasmian PBB dan KMBM akan diadakan pada Selasa, 27 Februari 2018 di tapak PBB dan KMBM.

Dalam majlis perasmian tersebut, sebanyak 38 buah buku akan dilancarkan, iaitu lima buku bagi Kategori Ilmiah, tiga buku bagi Kategori Umum, 12 buku bagi Kategori Sastera Dewasa dan 18 buku bagi Kategori Sastera Kanak-Kanak.

Turut dilancarkan ialah buku cerita rakyat Pulau Labi-Labi, yang diterjemah dalam bahasa Dusun, Inggeris, Filipina, Korea, Jepun, Arab, Mandarin, Perancis dan Jerman hasil komitmen kerjasama penterjemahan, penerbitan antara DBP dan Pusat

Bahasa, UBD.

Sepanjang PBB dan KMBM berlangsung, pelbagai kegiatan pengisian telah dirancang antaranya Buku Jendela Dunia, Dengar dan Fahami Cerita, Kuiz Kenali Negara Kitani, Permainan Tabu, Susur Bahasa, Buana Ria dan banyak lagi.

Oleh itu, orang ramai dialu-alukan untuk berkunjung ke PBB dan KMBM yang bermula dari jam 8.00 pagi hingga 10.00 malam kecuali Jumaat bermula 8.30 pagi hingga 11.30 pagi dan 2.30 petang hingga 10.00 malam.



SESI temu bual bersama pegawai-pegawai kerajaan yang dijemput hadir pada jerayawara mengenai penggunaan *banner*, bendera negara dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Februari. - Bagi memastikan penggunaan *banner*, bendera negara dan bahan-bahan

yang mempunyai kepentingan nasional dilaksanakan mengikut garis pandu dan tatacara yang betul, jerayawara mengenainya

telah diadakan di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan. Jerayawara yang dikendalikan

Tingkatkan kesedaran awam kepentingan bendera negara

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan tersebut dihadiri seramai kira-kira 40 peserta terdiri daripada pengurus dan penyelia dari syarikat-syarikat percetakan, pembinaan, bank dan gedung-gedung perniagaan.

Hadir pada jerayawara tersebut ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar dan pegawai-pegawai dari Jabatan Adat Istiadat Negara, Jabatan Peguam Negara, Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCI), Kementerian Pembangunan dan Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan.

Taklimat mengenai penggunaan *banner*, pengibaran bendera dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan itu disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya.

Para peserta juga menyaksikan tayangan video mengenai bendera

negara dan tatacara menaik-kibarkan bendera negara sebelum diakhiri dengan sesi soal jawab.

Objektif jerayawara tersebut ialah untuk meningkatkan kefahaman, pengetahuan dan kesedaran awam mengenai penggunaan *banner*, bendera negara dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional demi menjaga kehormatan negara dan menanamkan tanggungjawab serta menghormati dan melindungi integriti bendera negara dan panji-panji Negara Brunei Darussalam pada setiap masa.

Menurut salah seorang peserta yang juga wakil dari salah sebuah gedung perniagaan, Dayang Norapidah binti Antong Omar, orang ramai khususnya para peniaga perlu mengetahui mengenai tatacara penggunaan *banner* dan menaik-kibarkan bendera agar ia terus dihormati oleh segenap lapisan rakyat di negara ini.

Justeru, melalui jerayawara ini, jelasnya, beliau berharap dapat mendapatkan maklumat yang betul dan jelas mengenainya.



MINDA

PEMBACA

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Bandarku Ceria Kukuh Hubungan Bermasyarakat'. Tarikh Tutup : 28 Februari 2018
2. 'Hujung Minggu Tanpa Beg Plastik'. Tarikh Tutup : 7 Mac 2018
3. 'Bersiap Siaga Hadapi Bencana Alam'. Tarikh Tutup : 14 Mac 2018

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan 15 hingga 25 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :



Menangi

BND75

Setiap Minggu

Sidang Pengarang, Minda Pembaca,
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB3510,
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel:
pelita.brunei@information.gov.bn
Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



PARA jemputan dari syarikat-syarikat tempatan dijemput hadir bagi mendengarkan jerayawara tersebut.

Ex BES juarai Perlawanan Golf Persahabatan

Berita dan Foto : Ihsan Ex BES

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Februari. - Bekas para pelajar Berakas English School (Ex BES) menjuarai Perlawanan Golf Persahabatan Berpasukan setelah mengalahkan bekas para pelajar Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin (Ex SOASC) pada perlawanan yang diadakan di Kelab Golf Diraja Brunei pada 14 Februari lalu.

Pasukan Ex BES diwakili oleh Kolonel (B) Dato Harith, Mejar (B) Haji Majid, Yunshi Haji Abdullah, Leftenan Kolonel (B) Pengiran Haji Ali, Haji Sulaiman dan Ketua Pasukan, Haji Aminuddin bin Haji Mohd. Ali.

Manakala pasukan Ex SOASC diwakili oleh Haji Abd. Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah, Haji Muhammad Haji Mestassan, Haji

Zakaria bin Pengiran Anak Fakhruddin, Haji Ahman bin Haji Tussin dan Dato Paduka Haji Idris bin Haji Abbas selaku Ketua Pasukan Ex SOASC.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Dato Paduka Haji Abdul Wahab bin Juned.

Pemain Terbaik semasa perlawanan tersebut diraih oleh Kolonel (B) Dato Harith dari Ex BES dan Haji Muhammad bin Haji Metassan dari Ex SOASC.

Perlawanan Golf Persahabatan tersebut adalah kali pertama diadakan, bertujuan untuk merapatkan dan mengeratkan lagi silaturahmi di antara pelajar dan guru dari dua buah sekolah tersebut.



DATO Paduka Haji Abdul Wahab bin Juned (tengah) selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang daripada pasukan bekas para pelajar Berakas English School (Ex BES) yang menjuarai Perlawanan Golf Persahabatan Berpasukan setelah mengalahkan pasukan bekas para pelajar Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin (Ex SOASC).



PASUKAN Ex SOASC ketika bergambar ramai.

Kem Golf tingkatkan prestasi atlet



KEM Latihan Golf untuk persiapan Kejohanan Golf Richard Mille Brunei Championships.



AWANG Haji Mohd. Junaidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman selaku Pengerusi Jawatankuasa Kejohanan Golf Richard Mille Brunei Championships semasa ditemu bual.



AWANG Faiz Damit antara atlet muda golf bertekad akan bekerja keras untuk mencapai kejayaan beliau dalam Kejohanan Golf Richard Mille Brunei Championships melalui SPS Innovative Enterprise.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahad

JERUDONG, Rabu, 21 Februari. - Pihak penganjur dan jawatankuasa Kejohanan Golf Richard Mille Brunei Championships (RMBC) melalui SPS Innovative Enterprise telah mengadakan Kem Golf selama tiga hari bermula 19 hingga 21 Februari 2018.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pengerusi Jawatankuasa RMBC,

Awang Haji Mohd. Junaidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman ketika ditemui Pelita Brunei di The Empire Hotel & Country Club.

"Seramai empat atlet golf telah menyertai kem tersebut yang akan dikendalikan oleh seorang profesional golf dari Bangkok, Thailand, Apinai Wannapairote.

Ini adalah sebagai persediaan mereka untuk RMBC yang akan diadakan pada bulan Mac hadapan iaitu pada 7 hingga 10 Mac 2018," jelasnya.

Objektif kem tersebut diadakan katanya, adalah untuk memastikan dan mengetahui kekuatan juga kelemahan setiap atlet agar dapat mencari jalan untuk meningkatkan prestasi keseluruhan mereka.

Atlet-atlet golf yang bakal berentap di RMBC nanti ialah Awang Faiz Damit, Pengiran Wirahadikusuma bin Pengiran Salleh, Awang Zul Hilmi bin Haji Rosli, Awangku Muhd. Syakir bin Pengiran Haji Alli, Awang Mohammed Qawim Fakhri bin Haji Aslimon, Awang Mohammed Qazzri Fakhri bin Haji Aslimon dan Lai Suan Loong.

Richard Mille merupakan penaja utama RMBC, SPS Innovative Enterprise selaku penganjur dan ditaja oleh Royal Brunei Airlines Sdn. Bhd., Butra Heidelbergcement Sdn. Bhd., Cityneon Displays & Construction Sdn. Bhd., NBT Brunei Sdn. Bhd., Parkview Hotel dan Star Lodge Hotel.

RMBC disokong oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Sukan

INFO SUKAN

PERSATUAN Badminton Kebangsaan Brunei dengan kerjasama Persekutuan Badminton Para Jepun dan Lembaga Paralympic Brunei Darussalam akan menganjurkan Kejohanan Badminton Kebangsaan Brunei 2018 pada 9 hingga 18 Mac 2018 ini. Sebanyak tiga kategori akan dipertandingkan, iaitu Kategori Tempatan, Kategori Pemegang Kad Pengenalan Brunei dan Kategori Terbuka.



ePaper Pelita Brunei

Penaja Kejohanan Golf RMBC meterai perjanjian

Oleh : Aimi Sani
Foto : Azmah Haji Ahad

JERUDONG, Khamis, 22 Februari. - Seramai tujuh pemain golf tempatan akan membawa nama negara di dalam Kejohanan Golf Brunei yang merupakan sebahagian daripada ASIAN Development Tour (ADT) yang dikenali dengan Kejohanan Golf Richard Mille Brunei Championships (RMBC).

Sehubungan itu, satu Majlis Penandatanganan Kontrak ADT bersama penaja-penaja utama dan penaja-penaja Event Program Magazine berlangsung di The Empire Hotel & Country Club, Jerudong.

Hadir selaku tetamu kehormat seterusnya menyaksikan majlis penandatanganan berkenaan ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil.

Richard Mille merupakan penaja utama RMBC, SPS Innovative Enterprise selaku penganjur dan ditaja oleh Royal Brunei Airlines Sdn. Bhd., Butra Heidelbergcement Sdn. Bhd., Cityneon Displays & Construction Sdn. Bhd., NBT Brunei Sdn. Bhd., Parkview Hotel dan Star Lodge Hotel.

Terdahulu, Timbalan Pengerusi RMBC, Shabul Mashor bin Haji Junaidi dalam ucapan ringkasnya berkata, kejohanan ini bersempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34.

Kejohanan ini jelasnya, akan menjadi satu peristiwa yang menggembirakan bagi kita semua dalam menunjukkan semangat patriotisme dengan menyokong bakat tempatan negara untuk melakukannya dengan baik dalam kejohanan tersebut.

Beliau turut berterima kasih kepada semua penaja dan pihak yang terlibat menjayakan kejohanan yang akan berlangsung 7 hingga 10 Mac 2018 itu.

Barisan pemain Brunei yang bakal menyertai kejohanan yang diadakan di The Empire Hotel and Country Club, Jerudong sebagai lokasi utama kejohanan nanti adalah Awang Faiz Damit, Pengiran Wirahadikusuma bin Pengiran Salleh, Awang Zul Hilmi bin Haji Rosli, Awangku Muhd Syakir bin Pengiran Haji Alli, Awang Mohammed Qawim Fakhri bin Haji Aslimon, Awang Mohammed Qazri Fakhri bin Haji Aslimon dan Lai Suan Loong.

RMBC turut disokong oleh KKBS, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan serta Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil (empat, kanan) bergambar ramai bersama para penaja dan jawatankuasa Kejohanan Golf Richard Mille Brunei Championships.



MAJLIS Penandatanganan Kontrak ADT bersama penaja-penaja utama dan penaja-penaja Event Program Magazine berlangsung di The Empire Hotel & Country Club, Jerudong.

Penyertaan Golf Amal Pusat Ehsan Ke-16 dibukakan

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Azmah Haji Ahad



SIDANG Media mengenai Kejohanan Golf Amal Pusat Ehsan Ke-16 yang akan diadakan selama tiga hari bermula 30 Mac hingga 1 April di Kelab Golf Penerbangan Diraja Brunei, Berakas.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 22 Februari. - Perlawanan Golf Amal Pusat Ehsan Ke-16 akan diadakan selama tiga hari bermula 30 Mac hingga 1 April di Kelab Golf Penerbangan Diraja Brunei (RB Golf Club), Berakas.

Ia dibukakan kepada orang

ramai dan bertujuan bagi mengumpul dana yang akan disumbangkan bagi menyokong kanak-kanak bekeperluan khas di Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam.

Pengerusi Perlawanan Golf Amal Pusat Ehsan, Awang Seruji bin Haji Setia menjelaskan,

perkara itu pada Sidang Media yang berlangsung di Kelab Golf RB, di sini.

Turut hadir, Pemegang Amanah Dasar dan Perancangan Pusat Ehsan, Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman.

Menurutnya, perlawanan tersebut menawarkan pelbagai hadiah menarik bagi Holes-in-One dan cabutan bertuah untuk dimenangi.

Yuran pendaftaran bagi menyertai perlawanan berkenaan adalah BND100 dan perlawanan akan dijalankan mengikut Sistem 36 (Stroke Play).

Antara kategori yang akan dipertandingkan adalah Senior Golfers bagi 55 tahun ke atas, Ladies Event serta VIP & Sponsors.

Borang penyertaan boleh dimuat turun di laman sesawang <http://www.pusatehsan.org.bn> atau menghubungi Kelab Golf RB melalui talian +673 2343724.

Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam merupakan pertubuhan amal bukan kerajaan

tanpa keuntungan, memperoleh dana daripada derma dan sumbangan masyarakat.

Tahukah Awda

PADA menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, mulai 28 September 2017, Jabatan Laut dan Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan kini digabungkan menjadi Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Negara Brunei Darussalam (PBMP).

PBMP ditubuhkan sebagai badan berkuasa yang mengawal selia dan bertanggungjawab ke atas pengurusan, pentadbiran dan keselamatan hal ehwal pelabuhan dan perkapalan di negara ini. Penubuhan PBMP ini juga akan memperjelaskan lagi pengkhususan pembahagian fungsi pengawalseliaan (*regulatory*) dan fungsi penyediaan perkhidmatan (*service provider function*) yang sekali gus akan membolehkan perkembangan sektor pelabuhan dan perkapalan yang lebih terancang, terarah dan teratur.

SUMBER : Laman sesawang Kementerian Perhubungan www.mincom.gov.bn.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SELAMAT ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN KE-34

دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.